

**HUBUNGAN PENGHARGAAN KENDIRI DAN
SOKONGAN SOSIAL DENGAN KESEDIAAN
UNTUK BERUBAH DALAM KALANGAN
PENAGIH DADAH WANITA
DI PENJARA**

SUMARNI BINTI SAINUL

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2025

PENGAKUAN

"Saya akui laporan kajian ini adalah dari hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya"

7 JULAI 2025

Sumarni binti Sainul
MP2312023T

PENGESAHAN

NAMA : **SUMARNI BINTI SAINUL**
NO MATRIK : **MP2312023T**
TAJUK : **HUBUNGAN PENGHARGAAN KENDIRI, SOKONGAN
SOSIAL DAN TAHAP KESEDIAAN UNTUK BERUBAH
DALAM KALANGAN PENAGIH DADAH WANITA DI
PENJARA**
IJAZAH : **SARJANA**
BIDANG : **PSIKOLOGI KAUNSELING (PENYALAHGUNAAN DADAH)
[SPADA]**

DISAHKAN OLEH,

1. **PENYELIA UTAMA**
Dr. Norafifah binti Bali

2. **PENYELIA BERSAMA**
En Azahar bin Che Latiff

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah Rahmat dan inayah-Nya, saya berpeluang menyempurnakan penyelidikan dan penulisan disertasi ini sebagai memenuhi keperluan kursus PD6053 Penyelidikan Kaunseling dan Dadah dalam program pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Disertasi ini dapat disempurnakan dengan sokongan, bimbingan dan dorongan daripada pelbagai pihak yang saya hormati dan hargai.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama, Dr. Norafifah binti Bali, atas segala tunjuk ajar, bimbingan, panduan ilmiah serta dorongan berterusan yang sangat membantu sepanjang proses penyelidikan ini. Komitmen beliau dalam membimbing saya dengan sabar dan penuh dedikasi amat saya hargai. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada penyelia bersama, Encik Azahar bin Che Latiff atas pandangan yang membina, maklum balas yang teliti dan sokongan profesional yang telah memperkukuh hasil kajian ini.

Seterusnya, saya juga merakamkan penghargaan yang mendalam kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas penajaan biasiswa sepanjang pengajian ini. Bantuan kewangan ini amat bermakna kerana telah membuka ruang untuk saya menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran dan penyelidikan tanpa dibebani oleh tekanan kewangan. Sumbangan ini amat saya hargai dan akan sentiasa dikenang sebagai antara penyumbang utama kepada kejayaan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga turut ditujukan kepada Dr. Patricia Joseph Kimong, selaku penyelar program Psikologi Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) [SPADA], yang sentiasa menunjukkan keprihatinan terhadap kemajuan pelajar dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah UMS atas segala ilmu, bimbingan dan dorongan sepanjang pengajian saya. Penghargaan juga saya tujukan kepada seluruh staf Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial yang telah memberikan kerjasama, bantuan pentadbiran serta sokongan teknikal dalam menjayakan proses penyelidikan ini.

Setulusnya, saya ingin merakamkan penghargaan yang mendalam kepada ayahanda tercinta, Sainul bin Nari dan ibunda tersayang, Saharia binti Lamang, yang tidak pernah jemu mendoakan kejayaan saya. Segala kasih sayang, pengorbanan dan sokongan moral daripada mereka menjadi kekuatan utama saya dalam menempuhi setiap cabaran sepanjang

perjalanan akademik ini. Tanpa doa dan restu mereka, saya tidak akan mampu sampai ke tahap ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan Kohort Ke-13 SPADA, yang banyak memberikan sokongan, semangat dan kerjasama sepanjang pengajian. Penghargaan khas ditujukan kepada Encik Samsuddin bin Sjaipuddin, selaku ketua Kohort, atas kepimpinan, semangat dan dorongan yang sentiasa menguatkan kami semua. Tidak dilupakan juga kepada Cik Kamaliah binti MD Yusop@MD Yusof, Puan Jumani binti Mohammad, Cik Liza Pang Chui Fen dan Encik Anas bin Arshad atas persahabatan, Kerjasama serta sokongan moral yang amat bermakna sepanjang tempoh pengajian. Kehadiran kalian telah menjadikan pengalaman ini lebih bermakna, menyeronokkan dan penuh kenangan.

Semoga segala jasa dan sumbangan semua pihak diberkati dan dibalas dengan ganjaran yang setimpal oleh Allah SWT. Mudah-mudahan kajian ini dapat memberikan sumbangan positif kepada bidang kaunseling dan membantu dalam memahami isu penagihan dadah dalam konteks sebenar.

Sumarni binti Sainul
7 Julai 2025

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Seramai 35 orang responden telah dipilih secara rawak daripada 38 orang banduan wanita di Penjara Tawau, berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970). Data dikumpul melalui tiga instrumen utama iaitu *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE) bagi mengukur tahap penghargaan sendiri, *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS) bagi mengukur sokongan sosial dan *University of Rhode Island Change Assessment Scale* (URICA) bagi menilai tahap kesediaan untuk berubah. Analisis data dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29.0 melibatkan statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan deskriptif menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana dan tahap sokongan sosial yang tinggi, khususnya daripada individu signifikan dan ahli keluarga. Bagi tahap kesediaan untuk berubah, kebanyakan responden berada pada peringkat *contemplation*. Hasil analisis Spearman's rho menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan kesediaan untuk berubah, $r_s(33) = -.137$, $p = .433$. Namun begitu, terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah, $r_s(33) = .403$, $p = .016$. Diharapkan dapatan kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mendorong perubahan dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara, sekali gus membantu memperkukuh pelaksanaan intervensi dan program yang lebih berkesan dan berfokus.

Kata Kunci: Penghargaan Kendiri, Sokongan Sosial, Kesediaan Untuk Berubah, Penagih Dadah Wanita, Penjara

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN SELF-ESTEEM AND SOCIAL SUPPORT WITH READINESS TO CHANGE AMONG FEMALE DRUG OFFENDERS IN PRISON

This study aims to identify the relationship between self-esteem and social support with readiness to change among female drug addicts in prison. A total of 35 respondents were selected through simple random sampling from a population of 38 female inmates at Penjara Tawau, based on Krejcie and Morgan (1970) sampling table. Data were collected using a structured questionnaire comprising three main instruments: the Rosenberg Self-Esteem Scale (RSE) to measure self-esteem, the Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS) to assess social support, and the University of Rhode Island Change Assessment Scale (URICA) to evaluate readiness to change. Data were analysed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 29.0, involving both descriptive and inferential statistics. Descriptive findings showed the most respondents had moderate level of self-esteem and high social support, especially from significant others and family members. In the terms of readiness to change, the majority of respondents were in the contemplation. The results of the Spearman's rho analysis indicated that there was no significant relationship between self-esteem and readiness to change, $r_s(33) = -.137, p = .433$. However, there was a positive and significant relationship between social support and readiness to change, $r_s(33) = .403, p = .016$. It is hoped that the findings of this study will contribute to a deeper understanding of the factors that drive change among incarcerated female drug addicts, thereby strengthening the implementation of more effective and targeted intervention and rehabilitation programs.

Keywords: *Self-Esteem, Social Support, Readiness To Change, Female Drug Offenders, Prison*

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.8 Rumusan	8

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	9
2.2	Pendekatan Model Tranteoritikal	9
2.3	Sorotan Kajian Lepas	10
2.3.1	Tahap Penghargaan Kendiri	10
2.3.2	Tahap Sokongan Sosial	11
2.3.3	Tahap Kesediaan untuk Berubah	13
2.3.4	Hubungan antara Penghargaan Kendiri dan Tahap Kesediaan untuk Berubah	15
2.3.5	Hubungan antara Sokongan Sosial dan Tahap Kesediaan untuk Berubah	16
2.4	Kerangka Kajian	17
2.5	Definisi Konsep dan Operasi	18
2.5.1	Penghargaan Kendiri	19
2.5.2	Sokongan Sosial	19
2.5.3	Tahap Kesediaan untuk Berubah	20
2.6	Rumusan	21

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Reka Bentuk Kajian	22
3.3	Persampelan	22
3.4	Lokasi Kajian	24
3.5	Alat Kajian	24
3.5.1	Maklumat Responden	24
3.5.2	<i>Rosernberg's Self-Esteem Scale (RSE)</i>	25
3.5.3	<i>Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS)</i>	25
3.5.4	<i>University of Rhode Island Change Assessment Scale (URICA)</i>	26
3.6	Tatacara Kajian	27
3.7	Analisis Data	28
3.8	Rumusan	29

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	30
4.2	Data Demografi Responden	30
4.3	Analisis Deskriptif : Tahap Pemboleh Ubah	31
4.3.1	Tahap Penghargaan Kendiri	32
4.3.2	Tahap Sokongan Sosial	33
4.3.3	Tahap Kesediaan untuk Berubah	34
4.4	Penentuan Ujian Korelasi	35
4.4.1	Skala Pengukuran yang Digunakan	35
4.4.2	Ujian Normaliti	35
4.4.3	Ujian Lineariti melalui <i>Scatter Plot</i>	36
4.4.4	Justifikasi Pemilihan Ujian Korelasi	37
4.5	Analisis Inferensi : Hubungan antara Pemboleh Ubah	38
4.5.1	Hubungan antara Penghargaan sendiri dan Tahap Kesediaan untuk Berubah	38
4.5.2	Hubungan antara Sokongan Sosial dan Tahap Kesediaan untuk Berubah	39
4.5	Rumusan	40

BAB 5 : PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	41
5.2	Perbincangan Berdasarkan Objektif Kajian	41
5.2.1	Tahap Penghargaan Kendiri	41
5.2.2	Tahap Sokongan Sosial	42
5.2.3	Tahap Kesediaan untuk Berubah	43
5.2.4	Hubungan antara Penghargaan Kendiri dan Tahap Kesediaan untuk Berubah	45
5.2.5	Hubungan antara Sokongan dan Tahap Kesediaan untuk Berubah	46
5.3	Ringkasan Kajian	47
5.4	Implikasi Kajian	48
5.4.1	Implikasi kepada Metodologi	48

5.4.2	Implikasi kepada Praktikal	49
5.4.3	Implikasi kepada Perancang Polisi	49
5.5	Limitasi Kajian	49
5.5.1	Saiz Sampel yang Terhad	50
5.5.2	Keterbatasan Populasi Kajian	50
5.5.3	Kecenderungan Bias Sosial	50
5.5.4	Reka Bentuk Kajian Rentas	50
5.5.5	Kebergantungan kepada Alat Ukur Terjemahan	50
5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	51
5.6.1	Penambahan Saiz dan Kepelbagaian Sampel	51
5.6.2	Penglibatan Pelbagai Populasi dan Lokasi	51
5.6.3	Kajian Longitudinal	51
5.6.4	Pendekatan Kaedah Campuran	52
5.6.5	Penyesuaian Budaya Instrumen	52
5.7	Rumusan	52
RUJUKAN		54
LAMPIRAN		64

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 4.1 : Analisis Deskriptif Berdasarkan Data Demografi Responden	31
Jadual 4.2 : Statistik Deskriptif bagi Jumlah Skor Penghargaan Kendiri (RSE)	32
Jadual 4.3 : Taburan Tahap Penghargaan Kendiri (RSE)	32
Jadual 4.4 : Statistik Deskriptif bagi Subskala dan Skor Jumlah Skala Sokongan Sosial (MSPSS)	33
Jadual 4.5 : Taburan Tahap Sokongan Sosial (MSPSS)	33
Jadual 4.6 : Statistik Deskriptif bagi Skor Keseluruhan Tahap Kesiediaan untuk Berubah (URICA)	34
Jadual 4.7 : Taburan Tahap Kesiediaan untuk Berubah (URICA)	34
Jadual 4.8 : Keputusan Ujian Normaliti Saphiro-Wilk bagi Pemboleh Ubah Utama	36
Jadual 4.9 : Analisis Korelasi Pearson antara Penghargaan Kendiri dan Tahap Kesiediaan untuk Berubah	39
Jadual 4.10 : Analisis Korelasi Pearson antara Sokongan Sosial dan Tahap Kesiediaan untuk Berubah	39

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian	18
Rajah 4.1 : <i>Scatter Plot</i> antara Penghargaan Kendiri dan Skor Kesediaan untuk Berubah	37
Rajah 4.2 : <i>Scatter Plot</i> antara Sokongan Sosial dan Skor Kesediaan untuk Berubah	37

SENARAI SINGKATAN

AADK	-	Agensi Antidadah Kebangsaan
MI	-	<i>Motivational Interviewing</i>
MSPSS	-	<i>Multidimensional Scale of Perceived Social Support</i>
ODP	-	Orang yang Diparol
RSE	-	<i>Rosenberg Self-Esteem Scale</i>
SOCRATES	-	<i>Stages of Change Readiness and Treatment Eagerness Scale for Smoking Cessation</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TA	-	<i>Transactional Analysis</i>
URICA	-	<i>University of Rhode Island Change Assessment</i>

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A : Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	64
LAMPIRAN B : Soal Selidik Kajian	68
LAMPIRAN C : <i>Output</i> Analisis SPSS	76

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian yang memberi tumpuan kepada isu penagihan dadah dalam kalangan banduan wanita di Penjara. Kajian ini memberi tumpuan khusus terhadap hubungan antara dua faktor psikososial utama iaitu penghargaan sendiri dan sokongan sosial, dengan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan banduan wanita yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Aspek ini dianggap penting kerana perubahan tingkah laku yang berkesan seringkali dipengaruhi oleh persepsi individu terhadap diri sendiri serta sokongan yang diterima daripada persekitaran sosial mereka. Justeru, bab ini turut menghuraikan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif, hipotesis, serta kepentingan kajian yang menjelaskan rasional pelaksanaan penyelidikan dan potensi sumbangan kepada bidang pemulihan, khususnya dalam merangka pendekatan intervensi yang lebih menyeluruh dan berfokus kepada keperluan wanita dalam institusi penjara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penyalahgunaan dadah merupakan masalah sosial yang serius dan telah dikenal pasti sebagai punca pelbagai jenayah dan perlakuan tidak bermoral seperti merompak, mencuri dan memeras ugut. Kesannya bukan sahaja jenayah menggugat kestabilan awam, malah turut membawa kepada keruntuhan institusi keluarga (Mohd Noor & Ghazali, 2010). Bagi menangani ancaman ini, penagih dadah boleh dikenakan hukuman penjara. Institusi penjara ditubuhkan bagi pesalah jenayah atau yang masih menunggu perbicaraan, di mana banduan perlu mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara Malaysia (Hashim et al., 2018). Selain sebagai pusat tahanan, penjara turut menyediakan pelbagai program

pemulihan bagi membantu banduan bersedia untuk berubah dan kembali menjadi anggota masyarakat yang lebih produktif.

Persekitaran penjara sering kali menjadi cabaran besar bagi penagih dadah yang sedang menjalani hukuman dengan tekanan psikologi dan sosial yang tinggi. Tekanan ini boleh berpunca disebabkan kerana keterasingan daripada keluarga atau orang tersayang, stigma sosial yang berterusan serta peraturan yang ketat dan tidak fleksibel dalam institusi penjara. Dalam keadaan yang mencabar ini, penghargaan dan sokongan sosial memainkan peranan penting dalam menentukan keinginan dan kesediaan individu untuk berubah. Penghargaan sendiri berperanan dalam membentuk keyakinan individu untuk melakukan perubahan positif, manakala sokongan sosial berfungsi sebagai dorongan dalam proses pemulihan. Oleh itu, penting untuk mewujudkan persekitaran penjara yang menyokong dan menggalakkan pembangunan penghargaan sendiri dan sokongan sosial dalam kalangan penagih.

Penghargaan sendiri merujuk kepada persepsi individu terhadap nilai dan penerimaan dirinya yang melibatkan penilaian menyeluruh terhadap kecekapan, kepentingan serta nilai dirinya sebagai individu (Rosenberg, 1965). Penghargaan sendiri mempengaruhi tahap motivasi, di mana individu dengan pandangan positif terhadap diri mereka lebih menyedari potensi diri dan berasa termotivasi untuk mencuba cabaran baharu (Cherry, 2023). Individu dengan penghargaan sendiri yang tinggi yakin pada diri sendiri tanpa bergantung pada penerimaan atau pendapat orang lain (Haslina Julid, 2022). Kounenou (2010) mendapati bahawa peningkatan penghargaan sendiri merupakan peramal kepada penghindaran terhadap dadah. Guglielmo et al. (1985) menyatakan bahawa penghargaan sendiri yang rendah berkait rapat dengan penggunaan dadah. Oleh itu, penghargaan sendiri yang tinggi dapat membantu individu mengelakkan diri daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah, manakala tahap yang rendah boleh meningkatkan risiko terlibat dalam tingkah laku tersebut.

Selain itu, sokongan sosial turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kesediaan untuk berubah. Shumaker dan Brownell (1984), sokongan sosial merujuk kepada perkongsian sumber antara dua atau lebih individu yang dilihat oleh pemberi atau penerima sebagai usaha untuk meningkatkan kesejahteraan penerima. Sokongan sosial yang kuat dikaitkan dengan penurunan kadar penggunaan bahan selepas rawatan (Broome et al., 2002). Zimet (1998) memecahkan sokongan sosial kepada tiga komponen iaitu keluarga, rakan dan individu signifikan. Barth et al. (2001) dalam Dahl (2008) menyatakan bahawa hubungan antara orang yang menyokong tingkah laku ketagihan dan mereka yang membantu usaha untuk berubah memberi kesan kepada individu di mana semakin baik sokongan yang diterima

dalam proses perubahan, semakin besar peluang untuk individu yang ketagih untuk berjaya dalam pemulihan.

Dobkin et al. (2002) menyatakan bahawa individu yang menerima sokongan sosial yang rendah semasa pemulihan cenderung mengalami peningkatan dalam penggunaan dadah dan alkohol serta tekanan psikologi yang lebih tinggi enam bulan selepas memulakan rawatan. Justeru, keberadaan sokongan sosial yang kukuh bukan sahaja membantu individu menyesuaikan diri dengan cabaran semasa proses pemulihan, malah berupaya meningkatkan keberkesanan intervensi rawatan serta mengurangkan risiko berulang kepada penagihan dadah dalam jangka masa panjang.

Penjara Tawau, Sabah seperti institusi penjara lain di Malaysia yang menempatkan individu yang melakukan kesalahan jenayah termasuklah aktiviti penyalahgunaan dadah. Keadaan ini mencerminkan cabaran yang lebih luas yang dihadapi oleh sistem penjara negara dalam menangani isu penagihan dadah. Namun, di sebalik persamaan ini, Penjara Tawau mempunyai ciri-ciri unik yang dipengaruhi oleh konteks tempatan termasuk budaya, demografi dan sumber yang tersedia. Justeru, kajian khusus di Penjara Tawau dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang dinamika pemulihan dadah dalam konteks tempatan khususnya tentang hubungan penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih di Penjara Tawau. Hasil kajian diharapkan dapat membantu memperbaiki intervensi, mengenal pasti kelemahan sedia ada dan menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang pemulihan dadah di Malaysia.

1.3 Pernyataan Masalah

Proses pemulihan penagih dadah memerlukan pendekatan holistik yang menekankan peningkatan kesediaan untuk berubah melalui pengukuhan penghargaan sendiri dan sokongan sosial. Penghargaan sendiri memainkan peranan penting dalam membentuk motivasi dan keyakinan individu untuk menjalani perubahan, khususnya dalam konteks pemulihan ketagihan. Individu yang memiliki tahap penghargaan sendiri yang tinggi cenderung untuk mempunyai persepsi positif terhadap diri, berkeyakinan dalam membuat keputusan serta lebih mampu mengawal tingkah laku mereka ke arah yang lebih adaptif (Adler & Stewart, 2004). Sebaliknya, tahap penghargaan sendiri yang rendah sering dikaitkan dengan perasaan tidak berharga, putus asa, dan kecenderungan terhadap tingkah laku negatif seperti penyalahgunaan bahan sebagai mekanisme pelarian diri (Hartney, 2020). Ketagihan

bukan sahaja menjejaskan fungsi sosial dan psikologi, malah turut menghakis penghargaan sendiri, menjadikan proses perubahan lebih mencabar dan tidak konsisten.

Kajian oleh Kounenou (2010) mendapati bahawa penghargaan sendiri yang rendah merupakan salah satu peramal kepada kecenderungan penggunaan dadah dalam kalangan pelajar di Greece, manakala individu dengan penghargaan sendiri yang tinggi menunjukkan penolakan terhadap pengaruh sosial berkaitan dadah. Hal ini menunjukkan bahawa tahap penghargaan sendiri dapat mempengaruhi keyakinan dan keinginan seseorang untuk memulakan perubahan tingkah laku. Dalam kajian lain, intervensi spiritual secara berkumpulan yang dijalankan dalam kalangan lelaki yang menerima rawatan metadon berjaya meningkatkan penghargaan sendiri secara tidak langsung menyokong proses pemulihan (Jalali et al., 2018). Begitu juga, kajian oleh Torkaman et al. (2020) membuktikan bahawa terapi transaksional mampu meningkatkan tahap penghargaan sendiri banduan wanita, yang seterusnya menyumbang kepada perubahan tingkah laku yang lebih positif.

Sementara itu, sokongan sosial juga merupakan salah satu elemen penting dalam mempengaruhi tingkah laku dan keputusan individu untuk berubah, khususnya dalam konteks pemulihan penagihan dadah. Menurut Lin (1986), sokongan sosial merujuk kepada persepsi atau pemberian bantuan secara instrumental atau ekspresif daripada komuniti, rangkaian sosial dan rakan yang boleh dipercayai. Sokongan ini dapat hadir dalam bentuk emosi, maklumat atau sumber praktikal, yang berfungsi sebagai pelindung psikososial kepada individu yang berdepan tekanan dan cabaran semasa proses pemulihan. Kajian telah menunjukkan bahawa sokongan sosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesediaan untuk berubah. Gorgulu (2019) melaporkan bahawa sokongan sosial mempengaruhi motivasi luaran individu. Di samping itu, kajian Kizilkurt dan Giynas (2020) mendapati motivasi luaran seseorang untuk berubah boleh dipengaruhi oleh tahap sokongan yang diterima daripada keluarga, rakan serta interaksi sosial yang positif. Tambahan pula, mereka yang mempunyai motivasi rendah sering kali dilaporkan mengalami tahap sokongan sosial keluarga yang lebih rendah, yang sekali gus menjejaskan komitmen terhadap pemulihan.

Walaupun pelbagai kajian telah dijalankan berkenaan faktor psikososial seperti penghargaan sendiri, sokongan sosial dan kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah, kebanyakan daripadanya tertumpu kepada populasi umum atau individu yang menjalani rawatan di pusat pemulihan terbuka. Kajian tempatan seperti Salina Nen et al. (2014) menunjukkan bahawa penghargaan sendiri memainkan peranan penting dalam strategi daya tindak bekas penagih dadah di Malaysia. Manakala kajian oleh Siti Jamiaah Abdul

Jalil et al. (2020) pula menekankan bahawa sokongan sosial daripada keluarga dan rakan berperanan penting dalam pemulihan kerohanian banduan wanita di Penjara Wanita Kajang. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian ini tidak meneliti secara serentak hubungan antara penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di institusi penjara.

Di peringkat antarabangsa, kajian Caravaca-Sánchez dan García-Jarillo (2020) melaporkan bahawa banduan wanita yang masih menagih dalam penjara menunjukkan tahap sokongan sosial dan daya tahan yang rendah berbanding mereka yang tidak menagih, namun kajian tersebut tidak menilai dimensi kesediaan untuk berubah secara eksplisit. Selain itu, Nargiso et al. (2014) mendapati wanita dalam penjara yang mengalami gangguan penggunaan bahan cenderung mempunyai jaringan sosial yang terhad serta kekurangan sokongan kekal, yang boleh menyukarkan proses perubahan tingkah laku dalam pemulihan jangka panjang. Walaupun dapatan ini menunjukkan kaitan antara faktor sokongan sosial dan ketagihan, ia masih belum mengintegrasikan ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu penghargaan sendiri, sokongan sosial dan kesediaan untuk berubah secara menyeluruh dalam satu rangka kajian yang khusus untuk wanita.

Di Malaysia, kajian oleh Wan Salmi Wan Ramli (2012) yang dijalankan di Penjara Alor Setar menunjukkan bahawa faktor psikososial seperti penghargaan sendiri dan pengaruh keluarga memainkan peranan dalam pencegahan relaps dalam kalangan penagih, namun kajian tersebut hanya melibatkan responden lelaki dan tidak memberi tumpuan kepada aspek kesediaan untuk berubah. Sehingga kini, masih belum terdapat kajian menyeluruh yang mengkaji hubungan antara penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita yang sedang menjalani hukuman di penjara. Jurang penyelidikan ini amat signifikan kerana banduan wanita menghadapi cabaran khusus seperti stigma sosial, tekanan emosi, trauma, serta tanggungjawab keibuan yang tidak dialami secara sama oleh lelaki. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kekosongan literatur tersebut dan menyumbang kepada penghasilan intervensi pemulihan yang lebih efektif dan responsif terhadap keperluan gender di institusi tahanan seperti di penjara.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya untuk mengkaji hubungan antara penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Mengenal pasti tahap penghargaan sendiri dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara.
- ii. Mengenal pasti tahap sokongan sosial dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara.
- iii. Mengenal pasti tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara.
- iv. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara.
- v. Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut :

- i. Apakah tahap penghargaan sendiri dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara?
- ii. Apakah tahap sokongan sosial dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara?
- iii. Apakah tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara?
- iv. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara?
- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara?

1.6 Hipotesis Kajian

Pengkaji menggunakan hipotesis alternatif (H_a) dalam kajian ini. Hipotesis alternatif bagi kajian ini adalah seperti berikut :

- H_{a1} Terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri terhadap tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara.
- H_{a2} Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial terhadap tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara.

1.7 Kepentingan Kajian

Kesesuaian dan kepentingan kajian boleh dilihat berdasarkan beberapa aspek berikut :

- i. Kajian ini mempunyai kepentingan dalam menambah pengetahuan empirikal khususnya aspek psikososial yang mempengaruhi proses perubahan dalam kalangan penagih dadah. Kajian ini secara khusus menyumbang kepada pengayaan literatur tempatan berkaitan hubungan penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan untuk berubah, yang merupakan komponen penting dalam proses pemulihan. Dapatan kajian turut menjadi rujukan penting bagi bidang akademik dalam merangka model intervensi yang lebih berkesan untuk membantu individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah untuk keluar daripada masalah ketagihan dadah dan menjalani kehidupan yang lebih baik.
- ii. Kajian ini juga memainkan peranan penting dalam membantu institusi seperti Jabatan Penjara Malaysia dan agensi lain yang berkaitan dalam merancang program intervensi untuk penagih dadah. Dapatan kajian berkaitan tahap penghargaan sendiri, sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah dapat digunakan untuk membentuk intervensi yang menyeluruh. Sebagai contoh, jika kajian menunjukkan hubungan yang positif antara penghargaan sendiri atau sokongan sosial terhadap kesediaan untuk berubah, pihak yang berkaitan dapat mengambil tindakan dengan menyediakan lebih banyak program yang sesuai seperti bimbingan, perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial untuk meningkatkan motivasi penagih dalam pemulihan.
- iii. Kajian ini turut bermanfaat kepada institusi keluarga dan masyarakat dalam memahami kepentingan sokongan sosial dalam pemulihan penagih dadah. Dengan pengetahuan ini, keluarga dapat memberi dorongan dan motivasi dengan lebih aktif kepada ahli keluarga yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Sokongan moral dan emosi daripada ahli keluarga serta masyarakat membantu penagih dalam membina semula keyakinan diri dan meningkatkan semangat untuk pulih. Justeru, dengan pemahaman ini, masyarakat boleh bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk mewujudkan persekitaran yang lebih baik bagi membantu kepulihan penagih dadah.
- iv. Kajian ini turut memberi manfaat kepada penagih dadah kerana dapat membantu mengenal pasti faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk berubah, khususnya dari aspek penghargaan sendiri dan sokongan sosial. Seterusnya, pengetahuan ini juga membantu mereka mencari dan memanfaatkan sumber sokongan yang tersedia seperti keluarga, rakan dan institusi pemulihan. Dengan kesedaran yang lebih tinggi, mereka dapat membuat keputusan yang lebih baik untuk masa depan dan meningkatkan peluang untuk kembali kepada masyarakat sebagai individu yang lebih produktif.

1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan latar belakang kajian yang memfokuskan kepada isu penagihan dadah dalam kalangan banduan wanita di penjara, yang merupakan masalah sosial dan kesihatan awam yang semakin membimbangkan. Kajian ini memberi tumpuan kepada hubungan antara tiga pemboleh ubah utama iaitu penghargaan sendiri, sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan banduan wanita yang sedang menjalani hukuman penjara akibat penglibatan dalam penyalahgunaan dadah. Ketiga-tiga pemboleh ubah ini dianggap penting dalam memahami faktor psikososial yang dikaitkan dengan proses pemulihan dan perubahan tingkah laku individu yang terlibat dalam ketagihan dadah. Perbincangan dalam bab ini merangkumi beberapa elemen penting seperti latar belakang isu, pernyataan masalah yang menjelaskan jurang pengetahuan sedia ada, persoalan kajian yang dibentuk selaras dengan objektif penyelidikan, hipotesis kajian yang diuji secara empirik, serta kepentingan kajian daripada sudut akademik dan praktikal. Kesemua komponen ini membentuk asas yang kukuh bagi pelaksanaan kajian dan menyediakan landasan yang jelas untuk huraian lanjut dalam bab-bab berikutnya, khususnya dari segi reka bentuk kajian, analisis data dan perbincangan dapatan.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini memberi tumpuan kepada perbincangan secara mendalam berkaitan dengan kerangka teori dan sorotan literatur yang menjadi asas kepada kajian ini. Fokus utama bab ini ialah kepada tiga pemboleh ubah utama, iaitu penghargaan sendiri, sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita khususnya di penjara. Perbincangan dalam bab ini merangkumi teori utama yang digunakan, iaitu Model Transtheoritikal yang menerangkan proses perubahan tingkah laku secara berperingkat, serta penemuan-penemuan daripada kajian lepas yang menyokong hubungan antara pemboleh ubah kajian. Selain itu, kerangka konseptual dan definisi konsep serta operasi turut diuraikan bagi memperkukuh pemahaman terhadap kajian ini. Bab ini diakhiri dengan pernyataan hipotesis alternatif yang menjadi asas dalam menjawab persoalan kajian.

2.2 Pendekatan Model Transtheoritikal

Model Transtheoritikal merupakan antara kerangka teori yang paling meluas digunakan dalam bidang kesihatan mental dan terbukti berkesan dalam pelbagai jenis masalah termasuk merokok, penyalahgunaan alkohol dan ketagihan dadah (Prochaska et al., 1992). Prochaska dan DiClemente (1983) memperkenalkan Model Transtheoritikal menggariskan lima peringkat utama dalam proses perubahan yang dialami oleh individu iaitu *precontemplation*, *contemplation*, *preparation*, *action* dan *maintenance*. Dalam *precontemplation*, individu tidak menyedari masalah atau tidak berniat untuk berubah. Apabila mereka mencapai peringkat *contemplation*, mereka mula menyedari masalah dan mempertimbangkan perubahan, tetapi masih ragu-ragu. Pada tahap *preparation*, mereka mula merancang langkah-langkah untuk berubah. Pada tahap *action*, mereka mengambil langkah konkrit untuk mengubah tingkah

laku. Akhirnya, pada tahap *maintenance*, usaha dilakukan untuk mengekalkan perubahan dan menghindari kembali tabiat lama. Proses perubahan ini tidak berlaku secara linear melalui setiap peringkat. Individu juga mungkin mengalami relaps dan kembali ke peringkat sebelumnya sebelum meneruskan semula proses perubahan (DiClemente, 1993).

2.3 Sorotan Kajian Lepas

Bahagian ini mengemukakan sorotan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pemboleh ubah utama, iaitu penghargaan sendiri, sokongan sosial, dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita. Tujuan sorotan ini adalah untuk memberi gambaran empirikal yang relevan, mengenal pasti jurang kajian terdahulu, serta menyokong pembentukan kerangka dan objektif kajian. Perbincangan disusun mengikut objektif kajian bagi memastikan kesinambungan yang sistematik dalam penulisan.

2.3.1 Tahap Penghargaan Kendiri

Tahap penghargaan sendiri merupakan indikator yang penting dalam memahami kesejahteraan psikologi individu, khususnya dalam kalangan penagih dadah. Individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah cenderung mengalami konflik dalaman, rasa tidak berharga dan tahap keyakinan diri yang lemah. Keadaan ini berpotensi mendorong kepada penglibatan dalam tingkah laku ketagihan, di samping menjejaskan keberkesanan proses pemulihan. Oleh itu, penilaian terhadap tahap penghargaan sendiri dalam kalangan penagih dadah adalah penting bagi merangka intervensi pemulihan yang holistik dan berkesan.

Beberapa kajian telah dijalankan bagi menilai tahap penghargaan sendiri dalam kalangan penagih dadah wanita yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Sebagai contoh, kajian oleh Bee dan Boyd (2014) yang dijalankan ke atas 120 orang banduan wanita yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia mendapati sebahagian besar responden, iaitu sebanyak 67.8% mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana, manakala 26.1% berada pada tahap rendah dan hanya 6.7% menunjukkan penghargaan sendiri yang tinggi. Dalam kajian lain, Haslee dan Salina (2019) yang melibatkan 123 wanita Muslim yang menjalani rawatan di pusat pemulihan dadah di Kelantan menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana hingga tinggi, namun masih menunjukkan kecenderungan kepada pemikiran negatif terhadap diri sendiri (*cognitive*

distortion), yang boleh memberi kesan keseimbangan emosi dan proses penyesuaian diri dalam rawatan.

Kajian antarabangsa yang dijalankan oleh Ersöğütçü dan Karakaş (2016) ke atas 203 orang pesakit dewasa yang menjalani rawatan ketagihan di klinik psikiatri. Kajian ini menggunakan Coopersmith Self-Esteem Scale dan mendapati skor purata penghargaan sendiri berada pada tahap sederhana ($M = 50.97$, $SD = 18.01$). Kajian tersebut menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara penghargaan sendiri dan fungsi sosial, di mana individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang lebih tinggi cenderung menyesuaikan diri dengan lebih baik dalam konteks sosial dan rawatan. Sementara itu, kajian Silveira et al. (2013) yang dijalankan di Instituto São José, Brazil yang melibatkan 100 orang pesakit lelaki yang menggunakan dadah dan sedang menjalani rawatan pemulihan menunjukkan bahawa 77% daripada responden mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah, manakala 96% menunjukkan imej diri yang negatif. Penemuan ini mencerminkan persepsi sendiri yang lemah dan ketidakupayaan individu untuk menilai diri secara positif, yang boleh menjejaskan proses pemulihan.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian menunjukkan bahawa tahap penghargaan sendiri dalam kalangan penagih dadah berbeza-beza mengikut latar belakang dan konteks rawatan yang dilalui. Walaupun terdapat individu yang memiliki tahap penghargaan sendiri pada paras sederhana hingga tinggi, kebanyakan penagih dadah yang menjalani rawatan atau hukuman menunjukkan tahap penghargaan sendiri yang rendah serta imej sendiri yang negatif. Kepelbagaian tahap penghargaan sendiri ini penting kerana ia menunjukkan bahawa aspek penghargaan sendiri adalah satu dimensi psikologi yang signifikan dan tidak boleh diketepikan. Oleh itu, ia perlu diberikan penekanan dalam merancang strategi pemulihan agar dapat menyokong proses perubahan tingkah laku ke arah kehidupan yang lebih positif dan bermakna.

2.3.2 Tahap Sokongan Sosial

Tahap sokongan sosial yang diterima oleh penagih dadah memainkan peranan yang amat penting dalam proses pemulihan dan pembentukan motivasi untuk berubah. Sokongan yang diterima daripada keluarga, rakan-rakan, dan individu signifikan lain bukan sahaja membantu mengurangkan tekanan emosi, malah berupaya meningkatkan keyakinan diri serta memberi harapan baharu untuk menjalani kehidupan bebas dadah. Dalam kalangan penagih dadah wanita, terutama yang menjalani hukuman di institusi pemulihan seperti penjara, tahap

sokongan sosial yang kukuh dapat menjadi pemangkin kepada perubahan positif dan mengurangkan risiko penagihan semula. Oleh itu, penilaian terhadap tahap sokongan sosial adalah penting bagi memahami faktor pelindung yang menyumbang kepada keberkesanan proses pemulihan dan kesediaan untuk berubah.

Kajian Fauziah Ibrahim et al. (2022) melibatkan pesalah dadah yang sedang menjalani hukuman di Penjara Malaysia, dengan sampel seramai 407 pesalah dadah dari lima zon penjara yang berbeza, iaitu Zon Selatan (Penjara Melaka), Zon Tengah (Penjara Selangor), Zon Utara (Penjara Perak), Zon Timur (Penjara Pahang) dan Zon Sabah/Sarawak. Semua responden adalah pesalah dadah Melayu yang menjalani hukuman penjara sekurang-kurangnya enam bulan. Hasil kajian di Jabatan Penjara Malaysia mendapati bahawa majoriti pesalah dadah menerima sokongan sosial pada tahap sederhana hingga tinggi, yang berkait rapat dengan pengurangan situasi berisiko tinggi untuk berulang. Sokongan sosial bukan sahaja memberikan motivasi dan bantuan praktikal, tetapi juga membantu mengatasi cabaran psikologi dan sosial yang dihadapi oleh individu dalam proses pemulihan mereka. Justeru, sokongan sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu pesalah dadah menjalani pemulihan dan mengurangkan risiko berulang dalam tabiat ketagihan.

Selain itu, kajian oleh Loh Siew Lik (2018) yang dijalankan di Klinik *Cure and Care* 1Malaysia, Sungai Besi, Kuala Lumpur melibatkan seramai 60 orang penghuni pusat rawatan sukarela. Kajian ini menilai bentuk sokongan sosial yang diterima daripada tiga sumber utama iaitu keluarga, rakan sebaya dan komuniti. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden menerima sokongan pada tahap sederhana hingga tinggi daripada keluarga (65%), rakan sebaya (76.7%), dan komuniti (78.3%). Walaupun terdapat segelintir individu yang melaporkan tahap sokongan yang rendah, dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa elemen sokongan sosial memainkan peranan yang besar dalam menyokong keberkesanan rawatan dan usaha pemulihan. Kebergantungan terhadap jaringan sosial yang kukuh dapat membantu individu menyesuaikan diri, mengekalkan motivasi untuk berubah serta mengurangkan kemungkinan untuk kembali kepada tingkah laku ketagihan. Maka, sokongan sosial wajar diberi perhatian utama dalam merangka intervensi holistik terhadap penagihan dadah.

Kajian oleh Nurul Hudani et al. (2017) yang dijalankan ke atas 100 orang penagih dadah di Sabah bertujuan untuk meneliti hubungan antara sokongan sosial dan tahap kemurungan dalam kalangan penagih. Dalam kajian ini, tahap sokongan sosial diukur menggunakan *Inventory of Socially Supportive Behaviors* (ISSB), iaitu satu instrumen yang menilai kekerapan individu menerima bantuan emosi, maklumat, dan praktikal daripada orang lain. Hasil kajian mendapati bahawa 99% responden menerima sokongan sosial pada tahap

tinggi, manakala hanya 1% berada pada tahap rendah. Tiada responden yang dilaporkan berada pada tahap sederhana. Dapatan ini mencerminkan bahawa majoriti penagih dadah yang terlibat dalam kajian tersebut menerima tahap sokongan sosial yang sangat baik, terutamanya daripada keluarga dan individu terdekat. Sokongan yang tinggi ini secara signifikan dikaitkan dengan tahap kemurungan yang lebih rendah dalam kalangan responden.

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, tahap sokongan sosial yang diterima oleh penagih dadah secara umumnya berada pada tahap sederhana hingga tinggi, namun terdapat juga segelintir individu yang menerima sokongan sosial pada tahap rendah. Dapatan kajian Fauziah Ibrahim et al. (2022), Loh Siew Lik (2018), dan Nurul Hudani et al. (2017) menunjukkan bahawa sokongan daripada keluarga, rakan sebaya dan komuniti memainkan peranan penting dalam menyokong proses pemulihan, meningkatkan kesejahteraan emosi, serta mengurangkan risiko penagihan semula. Variasi dalam tahap sokongan sosial ini mungkin dipengaruhi oleh faktor persekitaran, latar belakang individu, dan hubungan interpersonal yang sedia ada. Oleh itu, penting untuk menilai tahap sokongan sosial yang diterima oleh penagih dadah dengan teliti agar dapat merancang intervensi yang lebih sesuai dan berkesan, terutamanya dalam program pemulihan yang dijalankan di komuniti atau institusi seperti penjara.

2.3.3 Tahap Kesediaan untuk Berubah

Tahap kesediaan untuk berubah merupakan elemen penting dalam proses pemulihan penagih dadah kerana ia mencerminkan motivasi dalaman individu untuk meninggalkan ketagihan dan membina semula kehidupan yang lebih sihat. Kesediaan ini melibatkan kesedaran terhadap masalah ketagihan, keinginan untuk berubah, serta komitmen terhadap tindakan pemulihan. Dalam kalangan penagih dadah wanita yang menjalani hukuman di institusi seperti penjara, tahap kesediaan untuk berubah sering kali dipengaruhi oleh faktor persekitaran, pengalaman peribadi, serta sokongan sosial yang diterima. Penagih yang berada pada tahap kesediaan yang tinggi lebih cenderung untuk mengambil langkah proaktif dalam proses pemulihan, manakala mereka yang berada pada tahap rendah mungkin menunjukkan penolakan atau ambivalen terhadap perubahan. Oleh yang demikian, penilaian terhadap tahap kesediaan untuk berubah adalah amat signifikan dalam merangka strategi intervensi yang bersesuaian dan berkesan, agar pelaksanaan proses pemulihan dapat dijalankan secara sistematik, berperingkat serta menyeluruh mengikut keperluan individu.

Kajian Brindha Vijayakone et al. (2021) yang melibatkan 190 orang penagih dadah dewasa di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) yang terletak di negeri Johor, menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap *contemplation*, yang menandakan kesedaran terhadap masalah ketagihan dan kecenderungan untuk mempertimbangkan perubahan, namun belum melibatkan diri secara aktif dalam tindakan pemulihan. Selain itu, responden didapati mempunyai tahap kawalan diri yang sederhana. Terdapat juga hubungan negatif yang signifikan antara kawalan diri dan kesediaan untuk berubah ($r = -0.15$, $p < .05$), yang menggambarkan bahawa tahap kawalan sendiri yang rendah berpotensi menjejaskan kesediaan individu untuk beralih ke tahap perubahan yang lebih aktif. Dapatan ini mengukuhkan keperluan untuk merangka intervensi berdasarkan tahap kesediaan individu, agar proses pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan tersusun.

Amirtha (2024) telah menjalankan kajian terhadap 192 orang klien di pusat pemulihan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Melaka bagi meneliti hubungan kesediaan motivasi untuk berubah dan kesediaan bekerja. Kajian ini menggunakan Skala Tahap Perubahan (SoCS) dan dapatan kajian menunjukkan majoriti peserta berada pada tahap *contemplation*. Walaupun terdapat perbezaan dari segi pendekatan rawatan, struktur organisasi dan suasana antara AADK dan institusi penjara, kedua-dua konteks masih melibatkan individu yang menjalani intervensi pemulihan yang terancang dan dikendalikan oleh tenaga profesional. Oleh itu, dapatan daripada kajian ini relevan dan dapat memberikan gambaran awal yang berguna untuk dibandingkan dengan kajian ini, yang meneliti tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara, khususnya dalam persekitaran pemulihan yang turut menekankan elemen sokongan, kawalan dan pembentukan tingkah laku.

D'Sylva et al. (2011) telah menjalankan kajian melibatkan 235 orang banduan di Australia yang sedang menjalani hukuman penjara dan mempunyai sejarah penyalahgunaan dadah atau alkohol. Kajian ini menggunakan pendekatan Model Transtheoritik bagi menilai tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti peserta berada pada tahap *contemplation* dan *action*, menunjukkan mereka sudah mula mempertimbangkan perubahan dan ada yang telah mengambil langkah awal ke arah pemulihan. Sebilangan kecil pula berada pada tahap *precontemplation* dan *maintenance*, menandakan terdapat variasi dalam kesediaan individu untuk berubah. Kajian ini memberikan gambaran tentang kepelbagaian tahap perubahan dalam kalangan banduan, yang memerlukan pendekatan rawatan dan intervensi yang berbeza mengikut tahap motivasi dan kesediaan setiap individu.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah adalah berbeza-beza, bergantung kepada latar belakang individu, persekitaran pemulihan, serta faktor dalaman seperti kawalan diri dan motivasi. Sebahagian besar penagih berada pada tahap *contemplation*, manakala sebilangan yang lain telah melangkah ke tahap *action* atau masih berada di peringkat *precontemplation*. Variasi ini menekankan keperluan untuk menilai tahap kesediaan setiap individu secara menyeluruh sebelum merangka intervensi pemulihan yang sesuai. Pemahaman yang mendalam terhadap kedudukan individu dalam proses perubahan amat penting agar pendekatan rawatan dapat disesuaikan secara sistematik dan berfasa, seterusnya meningkatkan keberkesanan pemulihan dalam kalangan penagih dadah, termasuk mereka yang menjalani hukuman di institusi seperti penjara.

2.3.4 Hubungan antara Penghargaan Kendiri dengan Kesediaan untuk Berubah

Mackey (2021) menyatakan bahawa penghargaan sendiri berkait rapat dengan ketagihan. Justeru, salah satu langkah penting dalam proses pemulihan adalah berusaha untuk memperbaiki penghargaan sendiri. Menurut Erni Najwa Irdy Marsam dan Syazwana Aziz (2023), cara seseorang berfikir dan bertindak dipengaruhi oleh penghargaan sendiri. Penghargaan diri yang positif dapat meningkatkan keyakinan diri dan memberi kesan yang baik kepada kehidupan individu. Menurut Harter (1999) dalam Chebli et al. (2023) penghargaan sendiri merupakan mekanisme adaptif dan pelindung bagi individu dan penghargaan sendiri yang rendah boleh memberi kesan ketara terhadap keupayaan seseorang untuk menyesuaikan diri dengan perubahan. *The Orlando Recovery Center* (2025) menyatakan bahawa penghargaan sendiri memainkan peranan penting dalam pemulihan ketagihan kerana ia adalah faktor utama dalam perkembangan ketagihan dan kejayaan pemulihan. Individu dengan penghargaan sendiri yang tinggi cenderung menghargai diri dan kemampuan mereka, manakala mereka yang rendah penghargaan sendiri sukar mengenali diri, menjadikan mereka lebih mudah terdedah kepada penyalahgunaan dadah.

Kajian Torkaman et al. (2020) menilai kesan latihan berkumpulan Analisis Transaksional (TA) terhadap penghargaan sendiri banduan wanita dan mendapati bahawa TA memberikan kesan positif yang signifikan dalam meningkatkan penghargaan sendiri mereka. Hasil kajian ini mencadangkan agar pihak pengurusan penjara melaksanakan latihan TA dengan bantuan pakar psikologi untuk memperkukuh penghargaan sendiri banduan wanita, serta mengubah persekitaran penjara dengan menyediakan lebih banyak sokongan sosial.

Kajian ini juga menunjukkan kait rapat antara penghargaan dan kesediaan untuk berubah. Banduan wanita yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi lebih cenderung untuk mengambil langkah perubahan positif dalam kehidupan mereka. Justeru, strategi yang meningkatkan penghargaan sendiri seperti TA berpotensi untuk memperkukuh kesediaan banduan untuk berubah ke arah yang lebih baik.

Hasil kajian Dahl (2008) meneliti keberkesanan *Motivational Interviewing* (MI) terhadap tahanan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Melalui penilaian instrumen *Stages of Change Readiness and Treatment Eagerness Scale for Smoking Cessation* (SOCRATES), didapati berlaku peningkatan motivasi yang ketara selepas intervensi, khususnya dalam kalangan peserta tanpa maklum balas. Walaupun faktor usia, tempoh hukuman dan jenis jenayah secara keseluruhan tidak mempengaruhi keberkesanan MI, tahanan yang melakukan jenayah keganasan dan dadah didapati mempunyai tahap motivasi yang lebih rendah dan menunjukkan respons negatif terhadap MI. Dapatan kajian ini turut menekankan tentang peranan penghargaan sendiri dalam mempengaruhi kesediaan untuk berubah, di mana individu dengan penghargaan sendiri yang rendah cenderung kurang responsif terhadap MI, yang seterusnya menghalang perubahan tingkah laku. Oleh itu, intervensi yang bertujuan untuk meningkatkan penghargaan sendiri mungkin dapat meningkatkan kesediaan untuk berubah dalam kalangan banduan.

2.3.5 Hubungan antara Sokongan Sosial dengan Kesediaan untuk Berubah

Kajian oleh Mohamed et al. (2022) terhadap 153 pesakit ketagihan dadah yang dimasukkan ke hospital psikiatri dan rawatan ketagihan di Minia yang diambil sebagai sampel menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara efikasi sendiri, sokongan sosial dan motivasi rawatan dalam kalangan pesakit ketagihan. Dalam kajian ini, pesakit yang menerima sokongan sosial yang lebih kuat menunjukkan skor yang lebih tinggi dalam keberkesanan sendiri dan motivasi rawatan, yang seterusnya meningkatkan kemungkinan mereka untuk meneruskan pemulihan. Kajian ini menekankan pentingnya sokongan sosial dalam meningkatkan efikasi sendiri dan motivasi pesakit untuk melakukan perubahan dalam menangani ketagihan mereka. Kajian Ray et al. (2021) menggariskan kepentingan sokongan rakan sebaya dalam membantu individu yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan seperti dadah dan alkohol selepas pemenjaraan. Hasil kajian menunjukkan bahawa individu yang mendapat sokongan jurulatih pemulihan rakan sebaya dapat memperbaiki kesihatan mental dan fizikal serta mengurangkan penggunaan bahan pasca pemenjaraan.

Kajian Norulhuda et al. (2021) yang melibatkan 280 Orang yang diparol (ODP) atau orang yang dibebaskan bersyarat yang berada di bawah program pemantauan oleh Jabatan Penjara Malaysia di Semenanjung Malaysia menekankan peranan penting sokongan sosial dalam kesediaan untuk berubah. Berdasarkan analisis dalam kajian ini, seramai 153 responden atau 54.6 peratus menunjukkan bahawa mereka menerima sokongan sosial pada tahap sederhana daripada keluarga. Seramai 105 responden atau 37.5 peratus pula menunjukkan bahawa mereka menerima sokongan sosial yang tinggi daripada keluarga. Situasi ini mencerminkan kewujudan hubungan positif dan interaksi kekeluargaan yang baik antara ODP dan keluarga mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa sokongan keluarga yang diterima oleh orang parol memberi impak positif kepada proses pemulihan dan kesejahteraan mereka. Kajian ini juga menunjukkan bahawa keluarga menjadi agen penting dalam mencipta perubahan positif serta memberikan dorongan untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan mengurangkan risiko berulang. Dengan sokongan sosial yang kukuh dari keluarga, proses pemulihan dapat dijalankan dengan lebih berkesan, yang akhirnya membantu pesalah untuk hidup lebih berdikari dan berperanan sebagai ahli masyarakat yang lebih berguna.

2.4 Kerangka Kajian


Kerangka konsep kajian ini bertujuan untuk menerangkan keseluruhan pemboleh ubah yang terlibat termasuk pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Di samping berperanan sebagai panduan dalam pelaksanaan kajian, kerangka konsep turut memberikan arah yang jelas sepanjang proses penyelidikan dijalankan (Mazlan Ismail, 2016). Kajian ini mengaplikasikan Model Transtheoritik sebagai asas teori untuk memahami proses perubahan tingkah laku dalam kalangan penagih dadah. Lima tahap perubahan dalam model ini iaitu *precontemplation*, *contemplation*, *preparation*, *action* dan *maintenance* (Prochaska & DiClemente, 1983). Berdasarkan literatur terdahulu, penghargaan sendiri dan sokongan sosial merupakan dua faktor yang dapat mempengaruhi kesediaan seseorang untuk berubah, terutamanya dalam konteks pemulihan daripada ketagihan dadah.

Kerangka kajian ini mengenal pasti dua pemboleh ubah bebas iaitu penghargaan sendiri dan sokongan sosial. Manakala pemboleh bersandar bagi kajian ini ialah tahap kesediaan untuk berubah. Kajian ini memfokuskan kepada hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Kerangka ini mencadangkan bahawa tahap penghargaan sendiri yang tinggi dan sokongan sosial yang kukuh dapat meningkatkan tahap kesediaan individu untuk berubah. Hubungan ini diuji

melalui hipotesis yang menjelaskan sama ada wujud hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan sokongan sosial terhadap tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di institusi tersebut seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.1.

Rajah 2.1

Kerangka Konseptual Kajian



2.5 Definisi Konsep dan Operasi

Bahagian ini memperincikan dua siri definisi bagi pemboleh ubah utama kajian iaitu penghargaan sendiri, sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah. Definisi konsep merujuk kepada makna teori bagi sesuatu konstruk yang dirumus melalui kajian literatur dan penyelidikan lepas. Menurut Dunn (2021), definisi konseptual membolehkan penyelidik menentukan perkara yang perlu diukur dengan jelas serta mengekalkan keseragaman makna dalam kalangan penyelidik. Manakala operasi merujuk kepada cara sesuatu diukur secara praktikal melalui instrumen yang telah dibuktikan dari segi kesahan dan kebolehpercayaannya. Melalui pendekatan ini, konstruk abstrak dapat ditukar kepada pemboleh ubah yang boleh diukur secara empirical, sekali gus memudahkan pelaksanaan kajian secara sistematik dan replikasi hasil kajian (Babbie, 2020). Pendekatan yang menggabungkan definisi konsep dan operasi penting untuk memastikan keseragaman makna, mengelakkan kekeliruan istilah dan meningkatkan ketepatan serta kebolehgunaan data dalam penyelidikan.

2.5.1 Penghargaan Kendiri

Penghargaan sendiri merujuk sejauh mana seseorang individu menilai dirinya secara positif dan yakin terhadap kemampuan dirinya dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup (Rosenberg, 1965). Konsep ini menggambarkan persepsi subjektif seseorang terhadap nilai sendiri, termasuk tahap penghormatan terhadap diri sendiri dan keyakinan untuk berfungsi secara efektif dalam kehidupan seharian. Menurut Sedikides dan Gress (2003), penghargaan sendiri merangkumi persepsi individu atau penilaian subjektif terhadap nilai diri sendiri, perasaan hormat terhadap diri dan keyakinan diri serta sejauh mana seseorang melihat dirinya secara positif atau negatif, serta perasaan terhadap kemampuan untuk mencapai matlamat hidup. Individu yang memiliki penghargaan sendiri tinggi cenderung memandang diri secara optimistik, lebih berdaya tahan terhadap tekanan serta keyakinan dalam membuat Keputusan. Sebaliknya, tahap penghargaan sendiri yang rendah sering dikaitkan dengan keraguan terhadap kebolehan diri, rasa rendah diri serta kesukaran menyesuaikan diri dalam persekitaran yang mencabar.

Dari segi operasi atau pelaksanaan kajian, penghargaan sendiri dalam kajian ini diukur menggunakan *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE) yang dibangunkan oleh Rosenberg (1965). Skala ini mengandungi 10 item berformat pernyataan yang menggunakan skala Likert untuk menilai sejauh mana individu mempunyai pandangan positif atau negatif terhadap diri sendiri. RSE telah digunakan Dalam kajian psikologi dan sosial global, RSE diiktiraf kerana kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dalam pelbagai populasi, seperti remaja, dewasa dan kumpulan berisiko tinggi. Dalam konteks kajian ini, RSE berperanan sebagai instrument pengukur tahap penghargaan sendiri dalam kalangan banduan wanita yang terlibat penyalahgunaan dadah. Skor yang dicatat melalui RSE menawarkan gambaran awal mengenai kekuatan dalaman mereka menghadapi perubahan tingkah laku dan proses pemulihan semasa berada dalam institusi penjara.

2.5.2 Sokongan Sosial

Sokongan sosial, menurut Zimet (1998), merujuk kepada persepsi subjektif individu terhadap sejauh mana sokongan yang diterima daripada persekitaran sosial dianggap mencukupi dan bermakna. Penekanan ini diberikan kepada bagaimana individu menilai sendiri keberkesanan sokongan tersebut, bukan sekadar berdasarkan bantuan yang diterima secara nyata. Dalam konteks pemulihan, Misra et al. (2019) seperti yang dipetik oleh Uzma Zaidi (2020) menegaskan sokongan sosial memainkan peranan penting sebagai satu mekanisme berkesan

dalam rawatan ketagihan. Horvath et al. (2019) menyatakan bahawa sokongan sosial mewujudkan rasa keterangkuman, keselamatan, rasa dimiliki dan perlindungan bagi pesakit. Secara keseluruhannya, konsep-konsep ini memperlihatkan bahawa sokongan sosial yang positif amat diperlukan bagi mendorong perubahan tingkah laku dan menyokong proses pemulihan jangka panjang.

Dari sudut operasional, kajian ini menilai tahap sokongan sosial menggunakan instrumen *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS) yang dibangunkan oleh Zimet et al (1988). Instrumen ini mengandungi 12 item yang menilai persepsi individu terhadap sokongan sosial yang diterima daripada tiga sumber utama iaitu keluarga, rakan dan individu signifikan. Skala Likert digunakan bagi menentukan tahap kekuatan persepsi terhadap sokongan tersebut. MSPSS dipilih berdasarkan kesahan dan kebolehpercayaannya yang telah dibuktikan dalam pelbagai kajian merentasi budaya dan populasi berbeza. Skor yang tinggi menunjukkan bahawa individu merasakan sokongan sosial yang kuat, manakala skor yang rendah menandakan kekurangan sokongan. Penggunaan instrumen ini membolehkan kajian memperoleh gambaran menyeluruh tentang aspek sokongan sosial yang dikaitkan dengan kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara.

2.5.3 Tahap Kesediaan untuk Berubah

Kesediaan untuk berubah merujuk kepada sejauh mana seseorang individu atau kumpulan individu menunjukkan kecenderungan secara kognitif untuk menerima, menyokong dan menyesuaikan diri dengan suatu rancangan atau tindakan yang bertujuan mengubah keadaan sedia ada (Rafferty et al., 2012). Konsep ini memainkan peranan penting dalam memahami proses perubahan tingkah laku, khususnya dalam konteks pemulihan daripada penyalahgunaan dadah. Model Transtheoritik yang diperkenalkan oleh Prochaska dan DiClemente (1983) telah menjadi asas dalam memahami dinamika perubahan ini. Model ini menggariskan lima peringkat utama dalam proses perubahan tingkah laku iaitu *precontemplation* (tiada kesedaran untuk berubah), *contemplation* (mula mempertimbangkan perubahan), *preparation* (bersedia untuk mengambil tindakan), *action* (melaksanakan perubahan) dan *maintenance* (usaha mengekalkan perubahan yang telah dicapai).

Dari segi operasional, kajian ini menggunakan *University of Rhode Island Change Assessment* (URICA) sebagai alat pengukuran utama untuk menilai tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan responden. URICA merupakan instrumen psikometrik yang dibangunkan berdasarkan Model Transtheoritik dan mengandungi item-item yang mewakili

keempat-empat peringkat utama perubahan iaitu *precontemplation*, *contemplation*, *action* dan *maintenance*, di mana tahap Skor yang diperoleh dari URICA akan memberikan gambaran mengenai tahap perubahan tingkah laku yang sedang dilalui oleh para responden. Skor yang diperoleh daripada setiap subskala digunakan untuk mengenal pasti peringkat perubahan dominan seseorang individu, sekali gus membolehkan pembentukan profil kesediaan untuk berubah. Penggunaan URICA dalam kajian ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai motivasi dalaman responden serta membantu memahami sejauh mana mereka bersedia melibatkan diri dalam proses pemulihan, terutamanya dalam konteks kehidupan di institusi penjara

2.6 Rumusan

Bab ini membincangkan kerangka teori dan sorotan literatur yang menyokong hubungan antara pemboleh ubah iaitu penghargaan sendiri, sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Model Transtheoritik oleh Prochaska dan DiClemente menjadi asas kepada pemahaman proses perubahan tingkah laku, yang terdiri daripada lima tahap perubahan. Kajian lepas menunjukkan bahawa penghargaan sendiri yang tinggi dan sokongan sosial yang kukuh mampu meningkatkan kesediaan individu untuk berubah serta menyumbang kepada kejayaan dalam proses pemulihan daripada ketagihan. Selain itu, kerangka konseptual yang dibangunkan memberi gambaran jelas tentang bagaimana pemboleh ubah ini saling berkaitan dan menyumbang kepada kesediaan untuk berubah. Definisi konsep dan operasi bagi ketiga-tiga pemboleh ubah turut diperincikan untuk memastikan kefahaman yang jelas dalam konteks kajian.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini, termasuk reka bentuk kajian, prosedur pengumpulan data, sampel dan teknik analisis yang diterapkan untuk mengkaji pengaruh penghargaan sendiri dan sokongan sosial terhadap tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif, di mana soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif dan inferensi berbentuk tinjauan. Tujuannya adalah untuk menentukan hubungan penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Kajian berbentuk deskriptif ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui penggunaan set soal selidik (Mahyuddin Arsat & Azizah Besar, 2011). Reka bentuk kajian berbentuk deskriptif membolehkan pengkaji mendapatkan banyak maklumat dalam masa yang singkat, Ahmad Mahdzan (1995) dalam Mahyuddin Arsat dan Azizah Besar (2011) berpendapat bahawa cara pengumpulan data ini digunakan adalah untuk memastikan mutu data yang diperolehi terkawal serta data tersebut mudah diproses dengan bantuan komputer.

3.3 Persampelan

Sampel dalam kajian ini merujuk kepada individu yang terdiri daripada penagih dadah wanita yang sedang menjalani hukuman di Penjara Tawau, Sabah. Responden merupakan banduan

yang dikenal pasti mempunyai sejarah penggunaan dadah dan telah dijatuhkan hukuman penjara atas kesalahan berkaitan penyalahgunaan bahan terlarang. Pemilihan sampel yang menumpukan kepada wanita dalam kalangan penagih dadah adalah selaras dengan objektif kajian yang ingin meneliti hubungan penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan untuk berubah dalam konteks penjara.

Populasi kajian terdiri daripada 38 orang banduan wanita yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah di Penjara Tawau, Sabah. Bagi menentukan bilangan sampel yang sesuai, penyelidik menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (1970) yang lazim digunakan dalam penyelidikan sosial bagi menentukan saiz sampel berdasarkan saiz populasi dengan tahap keyakinan 95% dan margin ralat 5%. Berdasarkan jadual tersebut, bagi populasi 38 orang, jumlah sampel yang dicadangkan ialah seramai 35 orang. Oleh itu, seramai 35 orang responden telah dipilih secara rawak untuk menjadi peserta kajian. Jumlah sampel ini diyakini memadai untuk mewakili populasi secara keseluruhan, sehingga hasil kajian yang diperoleh memiliki kesahihan, kebolehpercayaan dan dapat digeneralisasikan (Krejcie & Morgan, 1970).

Tambahan pula, pemilihan sekurang-kurangnya 30 orang responden adalah selaras dengan prinsip asas statistik yang dikenali sebagai *Law of Large Numbers*, yang menyatakan bahawa semakin banyak data dikumpulkan, semakin tepat anggaran terhadap populasi dapat dibuat. Dalam bidang penyelidikan, angka 30 sering dianggap sebagai ambang minimum bagi memperoleh keputusan statistik yang munasabah dan stabil, terutamanya dalam kajian yang menggunakan kaedah analisis seperti ujian hipotesis dan korelasi (Pannell, 2023). Saiz sampel yang kecil tetapi mencukupi ini juga sesuai untuk kajian yang melibatkan populasi terhad dan sukar diakses, seperti banduan wanita. Oleh itu, bilangan 35 responden dalam kajian ini bukan sahaja memenuhi keperluan berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan, malah disokong oleh amalan statistik yang diterima umum.

Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah, di mana subjek dipilih berdasarkan jumlah keseluruhan penagih dadah tanpa sebarang sekatan atau kriteria tertentu. Penggunaan teknik persampelan rawak mudah dalam kajian dapat mengelakkan sebarang bias dalam pemilihan sampel, sekali gus meningkatkan kesahihan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Menurut Sekaran dan Bougie (2016), pemilihan sampel yang rawak dan tanpa bias adalah penting dalam kajian kuantitatif, terutamanya dalam kajian yang melibatkan manusia, kerana ia membolehkan keputusan yang diperoleh digunakan dengan lebih tepat dan boleh dipercayai dalam membuat inferens terhadap populasi yang lebih besar.

3.4 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Penjara Tawau, Sabah, memandangkan populasi di Lokasi ini memenuhi kriteria sampel kajian yang diperlukan dan mempunyai populasi yang relevan dengan tujuan kajian. Pemilihan tempat ini berlandaskan kepada kesesuaian ciri-ciri populasi yang ingin dikaji, iaitu banduan yang terlibat dengan masalah ketagihan dadah, yang selaras dengan persoalan kajian yang ingin diterokai. Penjara Tawau dipilih kerana ia menyediakan persekitaran yang tepat untuk mengkaji hubungan penghargaan sendiri dan sokongan sosial terhadap kesediaan untuk berubah dalam banduan dadah wanita khususnya dalam konteks sosial dan budaya di kawasan tersebut. Dengan populasi yang sesuai dan keadaan yang relevan, Penjara Tawau menawarkan peluang untuk mendapatkan data yang bermakna dalam usaha memahami dinamik pemulihan di kalangan banduan.

Selain itu, kekurangan kajian penyelidikan yang dilakukan di tempat ini menjadi daya tarikan bagi pengkaji untuk menjalankan kajian di Penjara Tawau. Keadaan ini memberi peluang kepada pengkaji untuk mengisi kekosongan dalam literatur yang ada, khususnya mengenai masalah ketagihan dadah di kawasan yang kurang mendapat perhatian. Dengan memilih Tawau sebagai lokasi kajian, pengkaji dapat menyumbang kepada pengetahuan yang lebih mendalam dan relevan mengenai dinamika tempatan, sekaligus memberi sumbangan penting dalam membangunkan pendekatan pemulihan yang selaras dengan realiti sosial dan budaya tempatan.

3.5 Alat Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik yang berbentuk kuantitatif sebagai alat kajian untuk mengumpul dapatan kajian. Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik merupakan satu cara yang tepat, cepat dan menjimatkan masa untuk memperolehi maklumat secara kuantitatif. Dalam borang soal selidik yang digunakan sebagai alat kajian dalam kajian ini, terdapat empat bahagian yang perlu diisi oleh responden iaitu bahagian A yang berkaitan maklumat responden, bahagian B iaitu soal selidik penghargaan sendiri dan bahagian C iaitu soal selidik sokongan sosial dan bahagian D iaitu tahap kesediaan untuk berubah.

3.5.1 Maklumat Responden

Bahagian ini mengumpul maklumat demografi responden kajian, yang merangkumi aspek-aspek penting seperti umur, bangsa, tahap pendidikan dan status perkahwinan. Maklumat

demografi responden adalah sangat penting dalam kajian ini kerana ia memberikan gambaran yang jelas mengenai latar belakang individu yang terlibat dan bagaimana faktor-faktor demografi boleh mempengaruhi hasil kajian.

3.5.2 *Rosenberg's Self-Esteem Scale (RSE)*

RSE merupakan alat ukur yang digunakan untuk menilai penghargaan sendiri responden. Skala ini mengandungi 10 item yang diukur menggunakan skala Likert 4 mata, bermula dari skala 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga skala 4 (Sangat Setuju). Skala ini mengandungi 10 item yang dinilai menggunakan skala Likert 4 mata, di mana setiap item diberi skor berdasarkan tahap persetujuan responden terhadap pernyataan yang diberikan. Skor tersebut ditentukan seperti berikut: 1 mewakili "Sangat Tidak Setuju", 2 mewakili "Tidak Setuju", 3 mewakili "Setuju" dan 4 mewakili "Sangat Setuju". Skala ini menilai dua aspek utama penghargaan sendiri, iaitu aspek positif dan negatif, serta merangkumi perasaan individu terhadap dirinya sendiri. Menurut Rosenberg (1965), RSE digunakan secara meluas dalam kajian psikologi untuk mengukur tahap penghargaan sendiri dan kestabilannya dalam pelbagai populasi.

RSE adalah alat ukur yang terbukti sah dalam banyak kajian, khususnya untuk mengukur penghargaan sendiri individu (Rosenberg, 1965). RSE berkorelasi signifikan dengan ukuran penghargaan sendiri lain seperti *Coopersmith Self-Esteem Inventory*. Selain itu, RSE berkorelasi dalam arah yang dijangka dengan ukuran kemurungan dan kecemasan. Di samping itu, RSE menunjukkan koefisien pengulangan skala Guttman sebanyak .92 menunjukkan konsistensi dalaman yang sangat baik. Kebolehpercayaan ujian-uji semula dalam tempoh dua minggu menunjukkan korelasi sebanyak .85 dan .88 menunjukkan kestabilan yang sangat baik (Rosenberg, 1979).

3.5.3 *Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS)*

MSPSS telah dibangunkan oleh Zimet et al. (1988) yang terdiri daripada 12 item, dengan setiap domain (keluarga, rakan dan individu signifikan) diwakili 4 item. Responden memberikan maklum balas berdasarkan skala Likert 7 mata, bermula dari 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga skala 7 (Sangat Setuju). Setiap tahap persetujuan dinyatakan dari 1 hingga 7, di mana 1 mewakili "Sangat Tidak Setuju", 2 mewakili "Tidak Setuju", 3 mewakili "Agak Tidak Setuju", 4 mewakili "Neutral" atau "Tidak Pasti", 5 mewakili "Agak Setuju", 6 mewakili "Setuju" dan 7 mewakili "Sangat Setuju".

Menurut Zimet et al. (1988), MSPSS menunjukkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dalam pelbagai kajian dan konteks budaya. Analisis faktor menyokong struktur tiga dimensi yang mewakili sumber sokongan sosial iaitu keluarga, rakan dan individu signifikan, sekaligus menunjukkan kesahihan konstruk yang kukuh. MSPSS turut menunjukkan kesahihan konvergen apabila skor sokongan sosial berkorelasi negatif dengan tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan. Dari aspek kebolehpercayaan, nilai *Cronbach's alpha* bagi subskala keluarga (0.87), rakan (0.85) dan individu signifikan (0.91), serta keseluruhan skala (0.88), membuktikan bahawa MSPSS mempunyai konsistensi dalaman yang sangat baik.

Versi bahasa Melayu bagi skala ini, dikenali sebagai MSPSS-M, telah disahkan kesahihannya dalam kalangan populasi Malaysia. Kajian oleh Ng et al. (2010) mengesahkan kesahan dan kebolehpercayaan MSPSS-M dalam kalangan pelajar perubatan di Universiti Malaya menunjukkan konsistensi dalaman yang tinggi (*Cronbach's alpha* = 0.89), kebolehpercayaan bentuk paralel (0.94) dan uji semula (0.77). Terdapat korelasi negatif dengan *General Health Questionnaire* (GHQ) dan *Beck Depression Inventory* (BDI), yang mengesahkan kesahan MSPSS-M. Analisis faktor menunjukkan tiga faktor sokongan sosial (keluarga, rakan, individu signifikan), dengan kebolehpercayaan yang baik. MSPSS-M sesuai digunakan untuk mengukur sokongan sosial dalam kalangan pelajar Malaysia. Di samping itu, Kajian oleh Ng et al. (2021) mengesahkan kesahan dan kebolehpercayaan MSPSS-M dalam kalangan pesakit psikiatri di Malaysia. Instrumen ini menunjukkan konsistensi dalaman yang tinggi (*Cronbach's alpha* = 0.89) dan kesahan konvergen yang positif, dengan korelasi negatif terhadap kemurungan, kebimbangan dan tekanan, membuktikan ia sah dan boleh dipercayai.

3.5.4 University of Rhode Island Change Assessment Scale (URICA)

Instrumen URICA dibina oleh (McConaughy et al., 1983) untuk menilai tahap kesediaan individu dalam perubahan tingkah laku. Instrumen ini mengandungi 32 item yang dibahagikan kepada lima peringkat utama perubahan, iaitu *precontemplation*, *contemplation*, *preparation*, *action* dan *maintenance*. Responden memberikan maklum balas berdasarkan skala Likert 5 mata, bermula dari skala 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga skala 5 (Sangat Setuju). Setiap nombor pada skala mewakili tahap persetujuan yang berbeza, di mana 1 mewakili "Sangat Tidak Setuju", 2 mewakili "Tidak Setuju", 3 mewakili "Agak Tidak Setuju", 4 mewakili "Agak Setuju" dan 5 mewakili "Sangat Setuju". Melalui instrumen ini, tahap kesiapan individu untuk

perubahan tingkah laku dapat diukur dengan lebih tepat, yang membantu dalam merancang intervensi atau terapi yang sesuai berdasarkan peringkat perubahan mereka.

URICA telah terbukti memiliki kesahan dan kebolehpercayaan yang baik melalui pelbagai kajian. Konsistensi dalaman URICA adalah baik dengan nilai *Cronbach's alpha* antara 0.79 hingga 0.89 untuk empat subskala (McConnaughy, Prochaska & Velicer, 1983; McConnaughy, DiClemente, Prochaska & Velicer, 1989). Kesahan konstruk URICA telah disokong melalui analisis faktor (McConnaughy et al., 1983; Field, Adinoff, Harris, Ball, & Carroll, 2009; DiClemente, Schlundt, & Gemmell, 2004). Untuk tujuan kajian ini, versi Bahasa Melayu instrumen ini digunakan. Versi Bahasa Melayu yang dikenali sebagai Skala Tahap-Tahap Perubahan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu menggunakan kaedah terjemahan semula (*back translation*) oleh Abdul Halim (2010) dan Mohd Rafidi (2003) dalam Brindha Vijayakone et al. (2021).

3.6 Tatacara Kajian

Tatacara kajian ini merangkumi langkah-langkah sistematik yang dilaksanakan oleh pengkaji bagi memastikan pelaksanaan penyelidikan berjalan lancar dengan memenuhi objektif kajian. Secara umum, kajian ini menggunakan dua jenis data, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh melalui pengedaran soal selidik kepada responden yang terdiri daripada penagih dadah wanita di Penjara Tawau, Sabah. Manakala data sekunder diperoleh melalui pembacaan bahan-bahan rujukan seperti buku, artikel jurnal, laporan penyelidikan dan dokumen lain yang berkaitan.

Langkah-langkah pelaksanaan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Pemilihan Tajuk dan Pembentukan Objektif Kajian

Pengkaji memulakan proses kajian dengan memilih tajuk yang relevan berdasarkan isu semasa dan merangka objektif kajian yang sejajar dengan persoalan penyelidikan.

2. Penyediaan dan Semakan Kertas Cadangan Kajian

Draf kertas cadangan kajian disediakan berdasarkan kajian literatur dan permasalahan yang dikenal pasti sebelum dihantar kepada penyelia untuk semakan dan kelulusan.

3. Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian

Pengkaji menjalankan perbincangan dan membuat permohonan rasmi kepada pihak Penjara Tawau, Sabah bagi mendapatkan kebenaran kajian dalam kalangan banduan wanita.

4. Penyediaan Instrumen Data

Satu set soal selidik disediakan untuk pengumpulan data yang mengandungi empat bahagian utama:

- Bahagian A: Maklumat demografi responden
- Bahagian B: *Rosenberg Self-Esteem Scale* (RSE) untuk mengukur penghargaan sendiri
- Bahagian C: Multidimensional Scale of Perceived Social Support (MSPSS) untuk menilai tahap sokongan sosial
- Bahagian D: *University of Rhode Island Change Assessment Scale* (URICA) untuk menilai tahap kesediaan untuk berubah

5. Pengurusan Temujanji dan Pengedaran Soal Selidik

Pengkaji menetapkan temujanji dengan pihak penjara bagi mengatur sesi pengedaran borang soal selidik kepada responden yang layak.

6. Pengumpulan Data

Soal selidik diedarkan kepada responden dan masa yang mencukupi diberikan untuk menjawab sebelum borang dikumpulkan semula oleh pengkaji.

7. Pemprosesan dan Penganalisisan Data

Data mentah yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29.0. Analisis merangkumi analisis deskriptif dan inferensi mengikut keperluan objektif kajian.

8. Penyediaan Laporan Akhir Kajian

Setelah analisis data selesai, hasil kajian dibentangkan dalam bentuk penulisan akademik dan disusun mengikut format disertasi yang ditetapkan oleh institusi.

3.7 Analisis Data

Data kajian yang diperoleh melalui pengedaran soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29.0, iaitu satu alat statistik yang sering digunakan dalam penyelidikan sains sosial untuk menganalisis data kuantitatif (Pallant, 2020). Analisis data yang digunakan iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif merangkumi analisis kekerapan, peratusan, min (purata) dan sisihan piawai. Statistik deskriptif digunakan untuk memberikan gambaran umum tentang ciri-ciri demografi responden seperti umur, bangsa, tahap pendidikan dan status perkahwinan. Selain itu, statistik deskriptif juga digunakan untuk memenuhi objektif kajian yang pertama sehingga ketiga yang bertujuan untuk mengenal pasti

tahap penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan untuk berubah dalam kalangan banduan dadah wanita di penjara.

Seterusnya, statistik inferensi digunakan untuk memenuhi objektif keempat dan kelima yang memfokuskan hubungan antara pemboleh ubah, iaitu penghargaan sendiri dan tahap kesediaan untuk berubah serta antara sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah. Bagi menganalisis hubungan ini, pengkaji menggunakan kaedah korelasi *Spearman's rho* yang merupakan satu kaedah statistik bukan parametrik yang sesuai digunakan apabila data yang dikumpul tidak menepati andaian taburan normal atau apabila data berskala ordinal. *Spearman's rho* mengukur kekuatan dan arah hubungan antara dua pemboleh ubah berdasarkan susunan data, bukannya nilai asal (Pallant, 2020). Justeru, kaedah ini sesuai digunakan untuk data yang tidak memenuhi ciri-ciri statistik parametrik.

3.8 Rumusan

Bab ini menghuraikan metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, kaedah persampelan, Lokasi kajian, prosedur pelaksanaan dan kaedah analisis data. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif dan kaedah tinjauan melalui edaran soal selidik yang terdiri daripada tiga instrumen utama, iaitu *Rosenberg's Self-Esteem Scale* (RSE), *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS), dan *University of Rhode Island Change Assessment Scale* (URICA). Kajian ini melibatkan 35 orang banduan wanita yang dipilih secara rawak mudah daripada populasi 38 orang penghuni yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah di Penjara Tawau, Sabah. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29.0. Analisis data merangkumi statistik deskriptif menggambarkan ciri-ciri demografi dan tahap penghargaan sendiri, sokongan sosial dan kesediaan untuk berubah, serta statistik inferensi menggunakan korelasi *Spearman's rho* untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan hasil dapatan kajian daripada analisis data yang dijalankan terhadap 35 orang responden dalam kalangan banduan wanita di penjara. Dapatan analisis menggunakan perisian SPSS versi 29.0 yang merangkumi analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menerangkan ciri-ciri latar belakang responden serta tahap pemboleh ubah yang dikaji iaitu penghargaan sendiri, sokongan sosial dan kesediaan untuk berubah. Seterusnya, statistik inferensi digunakan untuk meneliti hubungan antara pemboleh ubah melalui korelasi *Spearman's rho*. Dapatan kajian ini dibentangkan mengikut susunan objektif kajian yang telah ditetapkan.

4.2 Data Demografi Responden

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan analisis deskriptif menggunakan frekuensi bagi data demografi. Analisis mendapati bahawa sebahagian besar responden berada dalam lingkungan umur 35 hingga 44 tahun, iaitu seramai 18 orang atau 51.4%. Kategori umur kedua paling ramai ialah 25 hingga 34 tahun dengan 9 orang responden atau 25.7%, diikuti oleh kategori 45 hingga 54 tahun seramai 5 orang atau 14.3%. Terdapat 2 orang atau 5.7% yang berumur 55 dan ke atas, manakala hanya 1 orang responden atau 2.9% berada dalam kategori 18 hingga 24 tahun. Seterusnya, analisis data menunjukkan majoriti responden kajian ini merupakan Bumiputera Sabah, iaitu seramai 19 orang (54.3%). Seterusnya, 11 orang (31.4%) terdiri daripada kaum lain-lain, diikuti 2 orang (5.7%) daripada kaum Melayu dan 2 orang (5.7%) daripada Bumiputera Sarawak. Hanya 1 orang responden (2.9%) daripada kaum Cina. Dari segi latar belakang pendidikan, seramai 14 orang (40.0%) hanya bersekolah rendah. Seterusnya, 11 orang (31.4%) telah mencapai tahap pendidikan menengah,

manakala seramai 10 orang (28.6%) tidak mempunyai pendidikan formal. Dari segi status perkahwinan, seramai 19 orang (54.3%) adalah berkahwin, diikuti dengan 8 orang (22.9%) yang telah bercerai, manakala 5 orang (14.3%) adalah bujang. Selebihnya, 3 orang (8.6%) merupakan balu akibat kematian pasangan.

Jadual 4.1

Analisis Deskriptif Berdasarkan Data Demografi Responden

Demografi		Frekuensi	Peratus (%)
Umur	18-24	1	2.9
	25-34	9	25.7
	35-44	18	51.4
	45-54	5	14.3
	55≥	2	5.7
Bangsa	Melayu	2	5.7
	Cina	1	2.9
	Bumiputera Sabah	19	54.3
	Bumiputera Sarawak	2	5.7
	Lain-lain	11	31.4
Tahap Pendidikan	Tiada Pendidikan	10	28.6
	Formal		
	Sekolah Rendah	14	40.0
	Sekolah Menengah	11	31.4
Status	Bujang	5	14.3
Perkahwinan			
	Berkahwin	19	54.3
	Bercerai	8	22.9
	Balu (Kematian)	3	8.6

4.3 Analisis Deskriptif : Tahap Pemboleh Ubah

Bahagian ini membentangkan analisis deskriptif bagi setiap pemboleh ubah utama dalam kajian, iaitu penghargaan sendiri, sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah. Analisis ini dijalankan untuk menentukan tahap skor min dan sisihan piawai bagi setiap

pemboleh ubah, dengan tujuan untuk memahami pola umum yang terdapat dalam kalangan responden.

4.3.1 Tahap Penghargaan Kendiri

Jadual 4.2 di bawah menunjukkan statistik deskriptif bagi jumlah skor penghargaan sendiri berdasarkan instrumen RSE. Dapatan menunjukkan skor berada dalam julat 11.00 hingga 24.00, dengan nilai $M=16.66$ dan $SD=2.99$. Ini menunjukkan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan responden berada pada tahap sederhana, memandangkan skor maksimum skala ialah 30.

Jadual 4.2

Statistik Deskriptif bagi Jumlah Skor Penghargaan Kendiri (RSE)

Pemboleh Ubah	N	Minimum	Maksimum	M	SD
Jumlah Penghargaan Kendiri	35	11.00	24.00	16.66	2.99

Jadual 4.3 pula menunjukkan taburan tahap penghargaan sendiri. Analisis taburan tahap penghargaan sendiri menunjukkan majoriti responden berada dalam kategori normal. Seramai 26 orang (74.3%) mempunyai tahap penghargaan sendiri yang normal, manakala 9 orang (25.7%) berada pada tahap rendah. Tiada responden yang menunjukkan tahap penghargaan sendiri yang tinggi dalam sampel ini.

Jadual 4.3

Taburan Tahap Penghargaan Kendiri (RSE)

Tahap Penghargaan Kendiri	Kekerapan	Peratus
Rendah	9	25.7
Sederhana	26	74.3
Tinggi	0	0
Jumlah	35	100

4.3.2 Tahap Sokongan Sosial

Jadual 4.4 di bawah menunjukkan statistik deskriptif bagi tahap sokongan sosial berdasarkan instrumen MSPSS. Skor purata keseluruhan ialah $M = 6.07$, $SD = 0.61$, dengan julat skor 4.42 hingga 6.92. Subskala individu signifikan mencatatkan skor purata tertinggi ($M = 6.61$, $SD = 0.58$), diikuti keluarga ($M = 6.40$, $SD = 0.71$) dan rakan mencatatkan ($M = 5.21$, $SD = 1.17$). Dapatan ini menunjukkan variasi yang lebih besar dalam persepsi terhadap sokongan rakan. Secara keseluruhannya bahawa secara umum, responden menerima tahap sokongan sosial yang tinggi, terutamanya daripada individu signifikan dan keluarga.

Jadual 4.4

Statistik Deskriptif bagi Subskala dan Skor Jumlah Skala Sokongan Sosial (MSPSS)

Pemboleh Ubah	N	Minimum	Maksimum	M	SD
Individu Signifikan	35	4.50	7.00	6.6143	.57950
Keluarga	35	4.50	7.00	6.4000	.70763
Rakan	35	2.75	6.75	5.2071	1.17023
Jumlah Sokongan Sosial	35	4.42	6.92	6.0738	.60593

Jadual 4.5 pula menunjukkan taburan tahap sokongan sosial. Dapatan Seramai 33 orang (94.3%) dilaporkan menerima tahap sokongan sosial yang tinggi, manakala hanya 2 orang (5.7%) berada dalam kategori sederhana. Tiada responden berada dalam kategori mendapat sokongan sosial yang rendah.

Jadual 4.5

Taburan Tahap Sokongan Sosial (MSPSS)

Tahap Sokongan Sosial	Kekerapan	Peratus
Rendah	0	0
Sederhana	2	5.7
Tinggi	33	94.3
Jumlah	35	100

4.3.3 Tahap Kesiediaan untuk Berubah

Jadual 4.6 di bawah menunjukkan statistik deskriptif bagi skor keseluruhan tahap kesiediaan untuk berubah berdasarkan instrumen URICA. Skor berada dalam julat 8.29 hingga 13.00, dengan $M=10.77$ dan $SD=0.95$.

Jadual 4.6

Statistik Deskriptif bagi Skor Keseluruhan Tahap Kesiediaan untuk Berubah (URICA)

Pemboleh Ubah	N	Minimum	Maksimum	M	SD
Jumlah Kesiediaan untuk Berubah	35	8.29	13.00	10.7714	.95342

Jadual 4.7 pula menunjukkan taburan tahap kesiediaan untuk berubah. Majoriti responden berada dalam tahap *contemplation* ($n = 22$, 62.9%), diikuti tahap *action* ($n = 13$, 37.1%). Tiada responden yang dilaporkan berada dalam fasa *precontemplation* dan *maintenance*. Dapatan ini menunjukkan sebahagian besar responden telah mencapai tahap kesedaran terhadap keperluan untuk berubah dan sedang mempertimbangkan tindakan yang sesuai

Jadual 4.7

Taburan Tahap Kesiediaan untuk Berubah (URICA)

Tahap Kesiediaan untuk Berubah	Kekerapan	Peratus
<i>Precontemplation</i>	0	0
<i>Contemplation</i>	22	62.9
<i>Action</i>	13	37.1
<i>Maintenance</i>	0	0
Jumlah	35	100

4.4 Penentuan Ujian Korelasi

Sebelum penentuan ujian korelasi dijalankan, beberapa syarat asas statistik perlu dipertimbangkan bagi memastikan kesesuaian antara jenis data yang diperoleh dan teknik analisis yang digunakan. Antara syarat tersebut ialah skala pengukuran pemboleh ubah, taburan normal data dan kehadiran hubungan linear antara pemboleh ubah. Pemenuhan kesemua syarat ini membolehkan pemilihan pendekatan analisis yang paling sesuai, sama ada korelasi parametrik seperti Pearson atau pendekatan bukan parametrik seperti *Spearman's rho* (Field, 2013; Ghasemi & Zahediasl, 2012).

4.4.1 Skala Pengukuran yang Digunakan

Kajian ini telah menggunakan tiga instrumen utama yang mengandungi item berskala Likert, iaitu RSE, MSPSS dan URICA. RSE menggunakan skala Likert empat mata, MSPSS menggunakan skala Likert tujuh mata, manakala URICA pula menggunakan skala lima mata. Secara amnya, skala Likert dikategorikan sebagai skala ordinal kerana ia mengukur tahap dalam susunan tertentu tanpa memastikan jarak yang sama antara kategori (Jamieson, 2004). Namun begitu, menurut Boone dan Boone (2012) apabila skor Likert digabungkan sama ada jumlah atau purata, data boleh dianggap sebagai skala interval. Oleh itu, data boleh dianalisis menggunakan ujian statistik parametrik atau bukan parametrik, bergantung kepada sama ada ia memenuhi syarat-syarat lain seperti taburan normal dan hubungan linear pemboleh ubah.

4.4.2 Ujian Normaliti

Ujian normaliti dijalankan bagi menentukan sama ada data bagi setiap pemboleh ubah utama menepati taburan normal. Dalam kajian ini, ujian Shapiro-Wilk telah digunakan kerana saiz sampel adalah kecil ($N=35$), selaras dengan saranan penggunaan ujian ini bagi sampel yang kurang daripada 50 responden (Shapiro & Wilk, 1965). Ujian ini bertujuan untuk menentukan kesesuaian analisis parametrik terhadap data yang diperoleh.

Jadual 4.8 di bawah menunjukkan keputusan ujian normaliti. Nilai p bagi penghargaan sendiri ($p = .059$), sokongan sosial ($p = .064$) dan tahap kesediaan untuk berubah ($p = .081$) semuanya melebihi aras signifikan .05. Oleh itu, kesemua pemboleh ubah dianggap menepati taburan normal. Walau bagaimanapun, penilaian terhadap andaian lineariti turut dilakukan sebelum menentukan analisis inferensi yang sesuai.

Jadual 4.8

Keputusan Ujian Normaliti Shapiro-Wilk bagi Pemboleh Ubah Utama

Pemboleh Ubah	Statistik Shapiro-Wilk	df	Sig. (p)
Penghargaan Kendiri	.941	35	.059
Sokongan Sosial	.942	35	.064
Tahap Kesiediaan untuk Berubah	.945	35	.081


4.4.3 Ujian Lineariti melalui *Scatter Plot*

Selain ujian normaliti, andaian lineariti turut diuji sebelum menentukan ujian korelasi yang sesuai. Menurut Jones et al. (2025), analisis statistik seperti regresi dan korelasi memerlukan pemenuhan beberapa andaian asas, termasuklah hubungan linear antara pemboleh ubah. Justeru, pemerhatian visual terhadap *scatter plot* sebelum menjalankan ujian inferensi adalah penting bagi menentukan sama ada data memenuhi keperluan analisis tersebut. Andaian lineariti merujuk kepada keperluan bahawa hubungan antara dua pemboleh ubah adalah bersifat linear, iaitu titik data berada dalam corak yang menyerupai garis lurus, sama ada menaik atau menurun.

Rajah 4.1 menunjukkan hubungan antara penghargaan kendiri dan tahap kesiediaan untuk berubah. Titik data kelihatan berselerak tanpa corak menaik atau menurun yang konsisten, menunjukkan tiada hubungan linear yang jelas. Sementara itu, Rajah 4.2 pula menunjukkan hubungan antara sokongan sosial dan tahap kesiediaan untuk berubah. Walaupun terdapat sedikit pola menaik, hubungan ini adalah lemah dan tidak stabil, kerana titik data masih berselerak. Kesimpulannya, andaian lineariti tidak dipenuhi sepenuhnya.


Rajah 4.1

Scatter Plot antara Penghargaan Kendiri dan Skor Kesiediaan untuk Berubah



Rajah 4.2

Scatter Plot antara Sokongan Sosial dan Skor Kesiediaan untuk Berubah



4.4.4 Justifikasi Pemilihan Ujian Korelasi

Pemilihan ujian korelasi dalam kajian ini dibuat berdasarkan penilaian skala data, taburan normal dan hubungan linear antara pemboleh ubah. Walaupun keputusan ujian Shapiro-Wilk

menunjukkan bahawa data bagi semua pemboleh ubah utama adalah berdistribusi secara normal ($p > .05$), andaian lineariti tidak dipenuhi sepenuhnya melalui *scatter plot*. Oleh itu, ujian parametrik seperti korelasi Pearson tidak sesuai digunakan dalam kajian ini. Sebaliknya, kajian ini menggunakan ujian korelasi *Spearman's rho* kerana lebih sesuai dalam keadaan hubungan tidak linear. Ujian ini juga lebih fleksibel terhadap data ordinal yang dijumlahkan secara agregat, seperti skor keseluruhan RSE, MSPSS dan URICA. Pemilihan ini selari dengan saranan oleh Field (2013), Ghasemi dan Zahediasl (2012), serta Norman (2010) yang menyatakan bahawa *Spearman's rho* adalah pilihan yang sesuai apabila andaian lineariti atau normaliti tidak dipenuhi sepenuhnya.

4.5 Analisis Inferensi : Hubungan antara Pemboleh Ubah

Bahagian ini membentangkan hasil analisis inferensi bagi menentukan hubungan antara pemboleh ubah utama dalam kajian iaitu penghargaan sendiri, sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Ujian korelasi *Spearman's rho* digunakan kerana walaupun data menunjukkan taburan normal berdasarkan Shapiro-Wilk, pemerhatian melalui *scatter plot* mendapati andaian lineariti tidak dipenuhi. Oleh itu, *Spearman's rho* dipilih sebagai ujian korelasi yang sesuai. Hasil analisis dibentangkan mengikut setiap pasangan pemboleh ubah.

4.5.1 Hubungan antara Penghargaan sendiri dan Tahap Kesediaan untuk Berubah

Ujian korelasi *Spearman's rho* telah dijalankan bagi menilai hubungan antara penghargaan sendiri dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Hasil analisis menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah, $r_s(33) = -.137$, $p = .433$. Sehubungan itu, hipotesis alternatif (H_{a1}) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri terhadap tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan banduan dadah wanita di penjara adalah ditolak. Secara keseluruhannya, tahap penghargaan sendiri didapati tidak berkait secara langsung dengan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan responden, dan faktor-faktor lain mungkin memainkan peranan yang lebih dominan dalam mempengaruhi tingkah laku mereka. Jadual 4.9 di bawah menunjukkan analisis korelasi *Spearman's rho* antara penghargaan sendiri dan tahap kesediaan untuk berubah.

Jadual 4.9
Analisis Korelasi *Spearman's Rho* antara Penghargaan Kendiri dan Tahap Kesiediaan untuk Berubah

Pemboleh Ubah		Penghargaan Kendiri	Tahap Kesiediaan untuk Berubah
Penghargaan Kendiri	Pekali Korelasi	1.000	-.137
	Sig. (2-hala)	.	.433
	N	35	35
Tahap Kesiediaan untuk Berubah	Pekali Korelasi	-.137	1.000
	Sig. (2-hala)	.433	.
	N	35	35

4.5.2 Hubungan antara Sokongan Sosial dan Tahap Kesiediaan untuk Berubah

Jadual 4.10 menunjukkan keputusan ujian korelasi *Spearman's rho* antara sokongan sosial dan tahap kesiediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah di penjara. Hasil analisis menunjukkan *Spearman's rho*, $r_s(33) = .403$, $p = .016$, yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Hubungan ini adalah positif dan berada pada tahap sederhana, yang menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap sokongan sosial yang diterima oleh individu, semakin tinggi tahap kesiediaan untuk berubah. Justeru, hipotesis alternatif (H_{a2}) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan tahap kesiediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara diterima.

Jadual 4.10
Analisis Korelasi *Spearman's Rho* antara Sokongan Sosial dan Tahap Kesiediaan untuk Berubah

Pemboleh Ubah		Sokongan Sosial	Tahap Kesiediaan untuk Berubah
Sokongan Sosial	Pekali Korelasi	1.000	.403*
	Sig. (2-hala)	.	.016
	N	35	35

Tahap Kesiediaan untuk Berubah	Pekali Korelasi	.403*	1.000
	Sig. (2-hala)	.016	.
	N	35	35

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

4.6 Rumusan

Bab ini membentangkan hasil kajian yang diperoleh daripada 35 orang responden wanita di Penjara Tawau, Sabah. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa majoriti responden berumur antara 35 hingga 44 tahun, berbangsa Bumiputera Sabah, mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah dan status berkahwin. Dari aspek pemboleh ubah kajian, tahap penghargaan sendiri dalam kalangan responden berada pada tahap sederhana, manakala sokongan sosial berada pada tahap tinggi, dan seterusnya sebahagian besar responden berada pada tahap *contemplation* bagi kesiediaan untuk berubah. Seterusnya, analisis inferensi menggunakan ujian korelasi *Spearman's rho* menunjukkan hanya terdapat hubungan signifikan antara sokongan sosial dan tahap kesiediaan untuk berubah, manakala hubungan dengan penghargaan sendiri tidak signifikan. Oleh itu, hipotesis alternatif kedua (H_{a2}) diterima dalam kajian ini, manakala hipotesis alternatif pertama (H_{a1}) ditolak.

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan dapatan kajian secara menyeluruh berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Perbincangan dijalankan secara terperinci dengan merujuk kepada penemuan daripada kajian-kajian lepas. Perbincangan ini bertujuan untuk menilai sejauh mana Keputusan kajian menyokong atau berbeza daripada penemuan terdahulu. Seterusnya, bab ini juga merangkumi rumusan kajian keseluruhan, implikasi kajian dijalankan serta beberapa cadangan penambahbaikan bagi kajian akan datang yang boleh dijadikan panduan oleh penyelidik masa hadapan.

5.2 Perbincangan Berdasarkan Objektif Kajian

Perbincangan dalam bahagian ini memberi fokus kepada penjelasan dapatan kajian yang diperoleh mengikut setiap objektif kajian. Huraian diberikan turut merujuk kepada hasil kajian terdahulu bagi menilai kesepadanan dan perbezaan yang wujud serta memahami kedudukan dapatan kajian ini dalam kerangka literatur sedia ada.

5.2.1 Tahap Penghargaan Kendiri

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penghargaan kendiri dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara berada pada tahap sederhana. Meskipun pernah melalui pengalaman hidup yang mencabar seperti penyalahgunaan dadah dan pemenjaraan, sebahagian daripada mereka masih mampu mengekalkan persepsi positif terhadap diri sendiri. Hasil kajian ini selari dengan dapatan penyelidikan yang dijalankan oleh Bee dan Boyd (2014) ke atas 120 orang banduan wanita yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia yang mendapati

bahawa sebahagian besar responden mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana. Penemuan ini mengukuhkan lagi dapatan semasa, bahawa penghargaan sendiri sederhana merupakan satu corak lazim dalam kalangan banduan dadah wanita di penjara.

Dapatan yang hampir serupa turut direkodkan dalam kajian Torkman et al. (2018) ke atas 130 banduan wanita yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Iran. Kajian tersebut melaporkan bahawa majoriti responden menunjukkan tahap penghargaan sendiri yang rendah hingga sederhana, tanpa sebarang individu yang menunjukkan tahap tinggi. Penemuan ini turut diperkuatkan oleh kajian tempatan Salina Nen et al. (2017) ke atas 386 bekas penagih dadah di Semenanjung Malaysia yang menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu sebanyak 58.8% berada pada tahap keyakinan diri yang sederhana. Penemuan ini memperkukuh bukti bahawa individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah masih berupaya mengekalkan tahap penghargaan sendiri yang stabil, meskipun telah melalui pengalaman kehidupan yang mencabar. Ini memberi petunjuk bahawa tahap penghargaan sendiri sederhana adalah fenomena yang kerap dijumpai dalam kalangan individu yang melalui proses pemulihan dan bukan unik kepada konteks institusi penjara semata-mata.

Penyelidikan Eriyanti et al. (2020) dan Kamoyo (2018) turut menunjukkan bahawa tahap penghargaan sendiri yang sederhana merupakan pola yang lazim dalam kalangan wanita yang menjalani hukuman penjara secara umum. Walaupun kedua-dua kajian ini tidak memfokuskan secara khusus kepada penagih dadah, dapatan kajian ini tetap signifikan kerana menunjukkan bahawa pemenjaraan tidak semestinya menyumbang kepada tahap penghargaan sendiri yang rendah secara mutlak. Sebaliknya, terdapat sebahagian banduan wanita yang mengekalkan persepsi positif terhadap diri sendiri meskipun berhadapan dengan cabaran di institusi penjara. Kesimpulan ini menyokong dapatan kajian semasa bahawa persekitaran penjara yang terhad tidak secara automatik memadamkan nilai sendiri, malah dalam sesetengah kes, proses pemulihan dan penyesuaian diri di dalam penjara mungkin membantu menstabilkan semula tahap penghargaan sendiri individu.

5.2.2 Tahap Sokongan Sosial

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, banduan wanita di Penjara Tawau menerima tahap sokongan sosial yang tinggi, terutamanya daripada individu signifikan dan ahli keluarga, manakala sokongan daripada rakan pula didapati kurang konsisten. Namun begitu, tahap sokongan sosial yang tinggi secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa

individu masih mampu mengekalkan hubungan yang signifikan dan menyokong, meskipun mereka berada dalam situasi yang mencabar seperti di dalam penjara.

Penemuan ini disokong oleh kajian Fauziah Ibrahim et al. (2022) ke atas 407 banduan penagih dadah yang menjalani pemulihan dan penahanan di penjara-penjara Malaysia, majoriti menerima sokongan sosial pada tahap sederhana hingga tinggi. Kajian ini menunjukkan bahawa walaupun dalam persekitaran yang penuh kekangan seperti penjara, individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah masih mengekalkan hubungan yang positif, terutamanya dengan ahli keluarga.

Selain itu, kajian Baharudin et al. (2021) melaporkan tahap sokongan sosial dalam kalangan banduan penagih dadah di penjara-penjara Malaysia secara umumnya berada pada paras sederhana hingga tinggi, dengan sokongan keluarga memainkan peranan utama dan bertindak sebagai pengantara kepuasan hidup dalam konteks pemenjaraan. Penemuan ini sejajar dengan dapatan kajian di Penjara Tawau yang menunjukkan bahawa banduan wanita mendapat sokongan yang kuat daripada individu signifikan dan keluarga, walaupun sokongan daripada rakan sebaya dilihat kurang stabil.

5.2.3 Tahap Kesiediaan untuk Berubah

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden berada pada tahap *contemplation*, iaitu mereka mula menyedari perlunya perubahan tetapi masih dalam fasa mempertimbangkan tindakan yang sesuai. Sebahagian responden pula berada pada tahap *action*, menunjukkan mereka telah mula melibatkan diri dalam proses perubahan tingkah laku secara aktif. Tiada responden berada pada tahap *precontemplation* atau *maintenance*, yang menunjukkan sekurang-kurangnya telah mempunyai kesedaran awal terhadap keperluan untuk berubah.

Corak ini adalah selari dengan kajian Amirtha (2024) yang melibatkan klien pemulihan dadah di AADK Melaka, di mana majoriti responden juga berada pada tahap *contemplation*. Walaupun konteks kajian berbeza, persamaan dari segi penyertaan dalam program rawatan yang berstruktur serta pengawasan oleh tenaga profesional menjadikan perbandingan ini relevan. Persekitaran institusi yang menyediakan intervensi terancang dan sokongan terapeutik berkemungkinan menyumbang kepada pencapaian tahap kesedaran awal terhadap perubahan dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Kajian Hashim et al. (2018) menunjukkan bahawa institusi penjara di Malaysia bukan sekadar tempat hukuman,

sebaliknya turut melaksanakan program pemulihan berstruktur melibatkan psikososial, kaunseling dan aktiviti kerohanian.

Berdasarkan kajian Harrell et al. (2014), kecenderungan wanita untuk berada pada tahap *contemplation* berkait rapat dengan kesedaran terhadap masalah ketagihan, namun masih belum disertai dengan niat kukuh untuk berubah. Kajian tersebut yang menggunakan pendekatan *Latent Class Analysis* terhadap 539 pengguna dadah mendapati bahawa wanita lebih ramai tergolong dalam kelas *Contemplative*, iaitu mereka yang menunjukkan pengiktirafan terhadap masalah tetapi belum bersedia untuk bertindak. Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh ambivalensi, kekangan emosi, atau kekurangan sokongan sosial yang menghalang mereka daripada bergerak ke tahap perubahan yang lebih aktif. Justeru, penemuan ini menyokong dapatan bahawa ramai penagih dadah wanita di institusi pemulihan seperti penjara berada dalam fasa pertimbangan awal untuk berubah.

Dapatan kajian ini yang menunjukkan sebahagian besar responden berada pada tahap *contemplation* dan *action* turut disokong oleh kajian D'Sylva et al. (2011) yang melibatkan banduan di Australia dengan latar belakang penyalahgunaan bahan. Melalui penggunaan Model Transtheoritik, kajian tersebut mendapati bahawa tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan banduan tidak bersifat homogen, sebaliknya berada pada spektrum yang berbeza-beza. Sebahagian besar peserta telah menunjukkan kecenderungan untuk berubah atau telah mula mengambil langkah awal ke arah pemulihan, manakala hanya sebilangan kecil yang masih berada di peringkat awal atau di tahap mengekalkan perubahan. Dapatan ini menekankan bahawa dalam kalangan individu yang menjalani hukuman, termasuk wanita di penjara, wujudnya variasi tahap perubahan yang perlu ditangani secara bersasar melalui pendekatan intervensi yang disesuaikan dengan kesiapsiagaan masing-masing.

Pollini et al. (2006) melaporkan bahawa antara individu yang dimasukkan ke hospital untuk rawatan akut dan dikenal pasti sedang aktif menggunakan dadah, wanita secara signifikan lebih cenderung berada pada tahap *contemplation* berbanding lelaki. Kajian tersebut turut mengenal pasti beberapa faktor yang berkait rapat dengan peningkatan tahap perubahan, antaranya termasuk keletihan terhadap penggunaan dadah, kebimbangan terhadap kesihatan fizikal, tekanan daripada keluarga dan kesedaran bahawa penggunaan dadah berterusan boleh menyebabkan penyakit berulang. Faktor-faktor ini sering kali lebih ketara dalam kalangan wanita, sekali gus menjelaskan kecenderungan mereka untuk berada pada tahap pertimbangan awal terhadap perubahan tingkah laku. Oleh itu, dapatan ini memberikan sokongan empirikal bahawa wanita yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah, termasuk banduan wanita di penjara, lazimnya berada pada tahap *contemplation* kerana

wujudnya motivasi dalaman yang mula terbentuk tetapi belum mencapai tahap komitmen penuh terhadap perubahan.

5.2.4 Hubungan antara Penghargaan Kendiri dan Tahap Kesediaan untuk Berubah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan kendiri dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah wanita di penjara. Penemuan ini bercanggah dengan beberapa kajian lepas yang melaporkan adanya hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah Sebagai contoh, kajian Mali Wajar et al. (2023) ke atas 342 orang penagih dadah di Penjara Marang, Terengganu, yang menunjukkan bahawa penghargaan kendiri mempunyai pengaruh signifikan terhadap kesediaan untuk berubah. Dapatan menunjukkan hubungan yang signifikan pada tahap *contemplation*, *action* dan *maintenance*, namun tiada pengaruh signifikan pada tahap *precontemplation*.

Selain itu, kajian oleh Zulkarnain et al. (2023) di Pusat Pemulihan Sukarela Sungai Besi turut menyokong dapatan tersebut apabila mendapati hubungan positif yang signifikan antara penghargaan kendiri dan keinginan untuk berubah dalam kalangan klien lelaki yang mengikuti rawatan secara sukarela. Kajian antarabangsa turut menyokong peranan penting penghargaan kendiri dalam rawatan ketagihan, di mana dapat mengurangkan keinginan (*craving*) dan mencegah relaps (Kheftan et al., 2021; Wu et al., 2014; Sheikholeslami et al., 2013). Justeru, ketiadaan hubungan signifikan dalam kajian ini mencadangkan bahawa terdapat faktor lain yang mungkin lebih dominan dalam mempengaruhi kesediaan untuk berubah dalam kalangan banduan dadah wanita.

Namun begitu, penemuan kajian yang tidak menemukan hubungan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah juga disokong oleh beberapa kajian lain yang mengambil kira faktor populasi, konteks dan tempoh perkembangan individu. Sebagai contoh kajian Torkaman et al. (2018) terhadap 130 banduan wanita penagih dadah di Iran turut mendapati bahawa penghargaan kendiri tidak mempunyai hubungan signifikan dengan penyesuaian hidup secara keseluruhan. Walaupun terdapat kaitan negatif dengan kesihatan emosi, faktor psikososial seperti tekanan dan kesejahteraan mental dilihat lebih mempengaruhi kesediaan untuk berubah berbanding penghargaan kendiri semata-mata. Justeru, penghargaan kendiri tidak dapat dianggap sebagai satu-satunya penentu perubahan tingkah laku.

Tambahan pula, dapatan kajian longitudinal Lee et al. (2018) mendapati bahawa penghargaan sendiri hanya menjadi peramal signifikan terhadap penyalahgunaan bahan pada usia awal remaja (15 tahun), tetapi tidak lagi signifikan pada usia dewasa (21 tahun). Oleh itu, kajian ini menyokong pandangan bahawa penghargaan sendiri sebagai faktor yang mempengaruhi kesediaan untuk berubah mungkin bergantung kepada konteks umur, jangka masa dan latar populasi yang dikaji. Dalam konteks penagih dadah wanita, faktor-faktor lain seperti trauma, stigma dan kekangan institusi mungkin memainkan peranan yang lebih besar dalam mempengaruhi kesediaan untuk berubah.

5.2.5 Hubungan antara Sokongan Sosial dan Tahap Kesediaan untuk Berubah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan secara statistik antara sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah di penjara. Hubungan positif yang dikenal pasti menggambarkan bahawa semakin tinggi tahap sokongan sosial yang diterima individu, semakin tinggi juga tahap kesediaan mereka untuk berubah ke arah kehidupan yang lebih positif dan bebas daripada penagihan dadah.

Penemuan ini menunjukkan bahawa sokongan sosial memainkan peranan penting dalam membentuk motivasi dan dorongan dalaman individu untuk berubah, terutama dalam konteks pemulihan di institusi penjara. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Baharudin et al. (2021) yang meneliti kepentingan sokongan sosial dalam kalangan banduan penagih dadah di Malaysia. Kajian ini menggunakan analisis *Structural Equation Modelling* (SEM) dan mendapati bahawa sokongan sosial yang diterima daripada keluarga, rakan sebaya dan kakitangan institusi mampu meningkatkan kesejahteraan psikologi serta mengukuhkan tekad untuk meninggalkan tabiat penagihan dan memulakan kehidupan lebih bermakna.

Penemuan ini turut disokong oleh kajian terbaharu oleh Tharsini et al. (2024) yang melibatkan seramai 384 banduan pra-pembebasan dari enam institusi penjara di Sarawak, termasuk individu yang mempunyai kes berkaitan penagihan dadah. Kajian ini mendapati bahawa elemen pembangunan sosial serta hubungan interpersonal, khususnya sokongan daripada ahli keluarga dan komuniti luar, merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi tahap kesediaan individu untuk kembali menjalani kehidupan dalam masyarakat. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa sokongan sosial bukan sahaja penting semasa fasa pemulihan, tetapi memainkan peranan penting dalam mengekalkan perubahan selepas pembebasan.

Selanjutnya, dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Mohd Fitri Amir Shoodi et al. (2020) yang menunjukkan bahawa sokongan sosial, khususnya keluarga, amat penting dalam proses pemulihan remaja penagih dadah. Walaupun dijalankan di pusat pemulihan luar, kajian ini mendapati bahawa ketiadaan fungsi keluarga yang efektif menjejaskan proses perubahan, namun individu masih mengharapkan sokongan keluarga sebagai sumber kekuatan penemuan ini mengukuhkan lagi bahawa sokongan sosial yang kukuh mampu meningkatkan kesediaan untuk berubah dalam kalangan penagih dadah, termasuk dalam konteks institusi penjara.

Selain itu, dapatan kajian ini turut disokong oleh penemuan antarabangsa seperti kajian Lookatch et al. (2019) yang melibatkan 489 orang responden dengan ketagihan kokain di Amerika Syarikat. Kajian ini menunjukkan bahawa sokongan sosial yang diterima daripada keluarga dan rakan sebaya mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap motivasi untuk berubah, pengurangan penggunaan bahawa terlarang serta peningkatan penglibatan dalam rawatan susulan. Malahan, penglibatan dalam program komuniti seperti program 12 Langkah didapati mampu memperkukuh lagi kesan sokongan sosial terhadap proses pemulihan. Penemuan ini mengukuhkan bahawa sokongan sosial berperanan penting dalam meningkatkan kesediaan untuk berubah di peringkat tempatan dan antarabangsa.

5.3 Ringkasan Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penghargaan sendiri dan sokongan sosial dengan kesediaan untuk berubah dalam kalangan banduan wanita penagih dadah di penjara serta mengkaji hubungan antara pemboleh ubah tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penghargaan sendiri dalam kalangan responden berada pada tahap sederhana, manakala sokongan sosial diterima pada tahap tinggi, khususnya daripada keluarga dan individu signifikan. Dari segi kesediaan untuk berubah, kebanyakan responden berada pada tahap *contemplation*, manakala sebahagian berada pada tahap *action*, menandakan kewujudan kesedaran untuk berubah.

Bagi analisis hubungan antara pemboleh ubah, kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan tahap kesediaan untuk berubah. Namun begitu, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa dapatan berhubung hubungan ini adalah tidak konsisten, ada yang menyokong hubungan, manakala ada juga yang tidak. Sebaliknya, hubungan antara sokongan sosial dan tahap kesediaan untuk berubah dalam kajian ini adalah signifikan secara statistik, menggambarkan peranan penting sokongan

sosial dalam mendorong perubahan positif dalam kalangan banduan wanita. Kesemua penemuan ini disokong oleh kajian-kajian lepas, baik diperingkat tempatan mahupun antarabangsa dan memberikan gambaran tentang aspek psikososial banduan wanita dalam proses pemulihan di institusi penjara

5.4 Implikasi Kajian

Penemuan yang diperoleh daripada kajian ini memberikan implikasi penting yang merangkumi aspek teori, metodologi, praktikal dan perancangan polisi. Implikasi-implikasi ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan tahap kesediaan untuk berubah dalam kalangan banduan penagih dadah khususnya wanita, sekali gus membantu menambah baik pendekatan rawatan dan pemulihan yang dilaksanakan di institusi penjara. Perbincangan berikut menghuraikan secara terperinci sumbangan kajian ini kepada pelbagai bidang berkaitan.

5.4.1 Implikasi kepada Metodologi

Kajian ini turut memberikan sumbangan bermakna dari aspek metodologi khususnya dalam kajian yang melibatkan populasi banduan di Malaysia. Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa instrumen seperti RSE, MSPSS dan URICA adalah sesuai dan berkesan untuk menilai pemboleh ubah yang dikaji. Penemuan ini amat berguna bagi penyelidik akan datang yang ingin mengkaji isu yang serupa.

Kajian ini turut menyerlahkan aspek metodologi yang penting khususnya mengenai kesesuaian pendekatan kuantitatif dalam penyelidikan populasi banduan. Dalam keadaan di mana saiz sampel adalah kecil dan tidak mengikut taburan normal, analisis *Spearman's rho* dilihat sebagai kaedah yang sesuai dan bertepatan. Ini kerana *Spearman's rho* merupakan ujian statistik bukan parametrik yang tidak memerlukan data memenuhi andaian normaliti, menjadikannya sangat sesuai untuk data yang menyimpang daripada taburan normal, situasi yang sering berlaku dalam kajian saintifik sosial, terutamanya yang melibatkan kumpulan sasaran yang unik dan sukar dicapai seperti banduan.

5.4.2 Implikasi kepada Praktikal

Dari sudut praktikal, hasil kajian ini sangat membantu kaunselor, pegawai pemulihan dan pihak penjara untuk merancang intervensi yang lebih berkesan. Tahap penghargaan sendiri yang sederhana dalam kalangan banduan wanita menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk membina dan mengukuhkan aspek psikologi dalaman mereka. Pada masa yang sama, tahap sokongan sosial yang tinggi khususnya daripada ahli keluarga dan individu signifikan membuktikan bahawa hubungan sosial di luar penjara mempunyai pengaruh yang kuat dalam mendorong perubahan positif. Justeru, program pemulihan yang dilaksanakan di institusi penjara perlu dirangka secara menyeluruh dengan memasukkan pelbagai aktiviti pembangunan diri seperti sesi kaunseling, program keagamaan dan latihan kemahiran hidup, yang bukan sahaja meningkatkan penghargaan sendiri tetapi juga menyediakan persediaan mental dan emosi bagi menghadapi kehidupan selepas pembebasan.

5.4.3 Implikasi kepada Perancang Polisi

Kajian ini juga memberi saranan penting kepada pihak pembuat dasar untuk merangka polisi yang lebih menyeluruh dan bersifat mesra banduan. Penemuan bahawa sokongan sosial berkait rapat dengan kesediaan untuk berubah menunjukkan betapa perlunya polisi yang menggalakkan penglibatan keluarga dalam proses pemulihan banduan. Selain itu, program pemulihan yang dilaksanakan tidak seharusnya hanya berfokus kepada pembinaan disiplin semata-mata, tetapi perlu membantu banduan membina semula keyakinan diri dan menyokong perubahan tingkah laku yang positif. Justeru, kerjasama erat antara pelbagai agensi seperti Jabatan Penjara, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) adalah sangat penting bagi memastikan sokongan kepada banduan dapat diteruskan selepas dibebaskan dan mengurangkan risiko penagihan semula.

5.5 Limitasi Kajian

Meskipun kajian ini dilaksanakan dengan teliti berdasarkan prosedur yang sistematik, terdapat beberapa kekangan dan keterbatasan yang perlu diambil kira kerana berpotensi mempengaruhi kebolegunaan serta tahap generalisasi dapatan kajian.

5.5.1 Saiz Sampel yang Terhad

Penelitian ini hanya melibatkan 35 orang responden wanita yang sedang menjalani hukuman di Penjara Tawau, Sabah. Saiz sampel ini mungkin mewakili keseluruhan populasi banduan wanita di Malaysia, apatah lagi banduan lelaki. Justeru, keputusan kajian ini perlu digunakan dengan berhati-hati dan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua banduan secara umum.

5.5.2 Keterbatasan Populasi Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada banduan wanita yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan sedang menjalani hukuman di penjara. Kekangan pihak institusi menyebabkan banduan lelaki atau data dari penjara lain tidak dapat dimasukkan dalam kajian ini, sekali gus menghadkan potensi untuk memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh terhadap isu yang dikaji.

5.5.3 Kecenderungan Bias Sosial

Penggunaan soal selidik dalam kajian ini berpotensi mendedahkan dapatan kepada bias tindak balas, di mana responden mungkin cenderung memberikan jawapan yang dianggap sesuai atau selari dengan norma sosial serta jangkaan pihak institusi, berbanding melaporkan keadaan sebenar diri mereka. Keadaan ini boleh menjejaskan ketepatan pengukuran terhadap tahap penghargaan sendiri, sokongan sosial dan kesediaan untuk berubah, sekali gus memberi implikasi terhadap kesahan data kajian.

5.5.4 Reka Bentuk Kajian Rentas

Kajian ini menggunakan reka bentuk keratan rentas yang hanya meneliti hubungan antara pemboleh ubah pada satu titik masa tertentu. Ini membawa kepada kekangan dalam menentukan sama ada terdapat hubungan sebab dan akibat antara penghargaan sendiri, sokongan sosial dan kesediaan untuk berubah.

5.5.5 Kebergantungan kepada Alat Ukur Terjemahan

Walaupun instrumen seperti RSE, MSPSS dan URICA versi Bahasa Melayu telah melalui proses pengesahan kebolehpercayaan dan kesahan, isu berkaitan adaptasi budaya masih menjadi

satu cabaran metodologi. Perbezaan halus dari segi konteks budaya dan linguistik mungkin tidak sepenuhnya tersampaikan melalui proses terjemahan, sekali gus mempengaruhi kefahaman responden terhadap item-item soal selidik dan menjejaskan ketepatan interpretasi data yang diperoleh.

5.6 Cadangan Kajian Akan Datang

Berdasarkan batasan kajian yang dihadapi dalam kajian ini, terdapat beberapa saranan yang boleh dipertimbangkan oleh para penyelidik pada masa hadapan. Cadangan-cadangan ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi penemuan sedia ada dan memperluaskan pemahaman tentang isu yang dikaji.

5.6.1 Penambahan Saiz dan Kepelbagaian Sampel

Bagi meningkatkan kebolehgunaan dan kebolehpercayaan dapatan, penyelidikan masa hadapan disarankan untuk melibatkan saiz sampel yang lebih besar serta merangkumi pelbagai institusi di beberapa negeri. Peluasan ini bukan sahaja dapat memperkukuh potensi generalisasi terhadap keseluruhan populasi banduan wanita, malah penglibatan banduan lelaki turut membolehkan perbandingan antara jantina dianalisis dengan lebih komprehensif.

5.6.2 Penglibatan Pelbagai Populasi dan Lokasi

Bagi penyelidikan masa hadapan, adalah wajar untuk memperluas skop kajian dengan melibatkan pelbagai populasi banduan, termasuk banduan lelaki, serta institusi yang berbeza di pelbagai lokasi. Pendekatan ini berpotensi menyediakan gambaran yang lebih holistik dan komprehensif berkenaan isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan banduan di Malaysia. Di samping itu, langkah ini berupaya meminimumkan keterbatasan yang wujud akibat pelaksanaan kajian yang terhad kepada satu institusi sahaja.

5.6.3 Kajian Longitudinal

Kajian ini menggunakan reka bentuk keratan rentas yang hanya meneliti hubungan antara pemboleh ubah pada satu titik masa. Untuk kajian akan datang, dicadangkan agar reka bentuk longitudinal di mana perubahan tahap penghargaan sendiri, sokongan sosial dan kesediaan

untuk berubah dapat diperhatikan dari semasa ke semasa. Pendekatan ini dapat memberikan gambaran lebih tepat tentang hubungan sebab-akibat serta menilai keberkesanan intervensi dengan lebih menyeluruh dan berdasarkan data yang berterusan.

5.6.4 Pendekatan Kaedah Campuran

Bagi mengatasi kelemahan yang berpotensi timbul daripada penggunaan soal selidik layan diri, kajian akan datang disarankan untuk mengaplikasikan pendekatan kaedah campuran (*mixed methods*) yang menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan ini membolehkan penyelidik melengkapkan dapatan kajian dengan maklumat mendalam melalui temu bual separa berstruktur atau sesi perbincangan kumpulan berfokus yang berupaya memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang pengalaman subjektif, motivasi dalaman serta cabaran yang dihadapi oleh banduan dalam usaha mereka untuk berubah.

5.6.5 Penyesuaian Budaya Instrumen

Meskipun instrument yang digunakan dalam kajian ini telah melalui proses terjemahan dan pengesahan, penyelidikan pada masa hadapan disarankan untuk melaksanakan kajian kesahan budaya (*cultural validation*) yang lebih komprehensif terhadap alat pengukuran tersebut. Kajian ini perlu merangkumi analisis terhadap aspek semantik serta kesesuaian konteks budaya bagi memastikan setiap item difahami dengan tepat oleh responden dan mengelakkan sebarang bias linguistik yang boleh menjejaskan keabsahan serta ketepatan interpretasi data yang diperoleh.

5.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa sokongan sosial, terutamanya daripada keluarga dan individu signifikan, berperanan secara signifikan dalam menyokong proses perubahan tingkah laku dalam kalangan banduan wanita yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Tahap penghargaan sendiri yang berada pada paras sederhana memberi gambaran bahawa wujudnya keupayaan dalaman yang masih berfungsi, meskipun mereka berada dalam persekitaran penjara yang mencabar. Walau bagaimanapun, ketiadaan hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan tahap kesediaan untuk berubah menunjukkan bahawa faktor intrapersonal ini tidak semestinya menjadi penentu utama

kepada motivasi perubahan. Sebaliknya, faktor luaran seperti sokongan sosial dilihat memainkan peranan yang lebih besar dalam mempengaruhi kesediaan individu untuk berubah.

Dari sudut aplikasi, kajian ini memberi implikasi penting terhadap amalan profesional dan pembangunan dasar berkaitan program pemulihan dadah dalam institusi pempasyarakatan. Dapatan mencadangkan keperluan kepada pendekatan pemulihan yang lebih menyeluruh dan integratif, yang bukan sahaja memberi fokus kepada dimensi psikologi individu seperti penghargaan sendiri, tetapi turut menitikberatkan peranan sokongan sosial daripada persekitaran terdekat dalam mendorong perubahan positif. Meskipun kajian ini mempunyai keterbatasan seperti saiz sampel yang kecil dan ruang lingkup populasi yang sempit, ia tetap memberikan sumbangan awal yang bermakna dalam memahami dinamik kesediaan untuk berubah dalam konteks banduan wanita. Kajian masa depan disarankan agar menggunakan reka bentuk kajian yang lebih komprehensif seperti pendekatan campuran, longitudinal, serta memastikan kesesuaian budaya instrumen yang digunakan bagi memperoleh gambaran yang lebih tepat dan kontekstual terhadap faktor yang mempengaruhi perubahan tingkah laku dalam kalangan populasi ini.

RUJUKAN

- Adler, N., & Stewart, J. (2004). Self-esteem. *Psychosocial WorkingGroup*. <http://www.macses.ucsf.edu/research/psychosocial/selfesteem.php>
- Amirtha Rengasamy. (2024). *The relationship between motivational readiness for change and work readiness among clients in a rehabilitation centre in Melaka* (Master's thesis, Universiti Sains Islam Malaysia). USIM Research Repository. <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/22876>
- Babbie, E. R. (2020). *The practice of social research* (15th ed.). Cengage Learning.
- Bee, D., & Boyd, P. (2014). Measuring self-esteem, resilience, aggressive behavior and religious knowledge among women drug inmates in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(5), 31–48.
- Baharudin, M. N., Mohamad, M., & Karim, F. (2021). The Importance of Social Support during Imprisonment: A Case of Malaysian Drug-Abuse Prisoners. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(7), 1458–1474.
- Boone, H. N., & Boone, D. A. (2012). Analyzing Likert Data. *Journal of Extension*, 50(2), 1–5. <https://tigerprints.clemson.edu/joe/vol50/iss2/2>
- Brindha Vijayakone, Haslee Sharil, Lim Abdullah, Othman W.N.H, & Siti Nubailah Mohd Yusof. (2021). Self-control and readiness to change amongst recovering addicts. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 25(2), 174. <https://doi.org/10.0000/ijp.2021.25.02.174>
- Broome K.M., Simpson, D.D & Joe, G.W. (2002). The role of social support following short term inpatient treatment. *The American Journal on Addictions*, 11(1), 57-65. <https://doi.org/10.1080/10550490252801648>
- Caravaca-Sánchez, F., & García-Jarillo, M. (2020). Perceived social support, resilience and consumption of psychoactive substances amongst inmates in prisons. *Revista Española de Sanidad Penitenciaria*, 22(2), 75–79. <https://doi.org/10.18176/resp.00013>
- Chebli, H., Azraf, F., Berrada, H., Sabir, M., & Omari. (2023). Self-esteem and addictions. *SAS Journal of Medicine*, 9(9), 941-944. DOI: 10.36347/sasjm.2023.v09i09.007
- Cherry, K. (2023, Disember 5). What is self-esteem? Your sense of your personal worth or value. *Verywell Mind*. <https://www.verywellmind.com/what-is-self-esteem-2795868>

- Cobb, S. (1976). Social support as a moderator of life stress. *Psychosomatic Medicine*, 38(5), 300-314. <https://doi.org/10.1097/00006842-197609000-00003>
- Cohen, S., & Wills, T. A. (1985). Stress, social support, and the buffering hypothesis. *Psychological Bulletin*, 98(2), 310-357.
- Dahl, H. M. (2008). *Drug abuse and change readiness in prisoners: Effect of Motivational Interviewing as measured by SOCRATES* (Masteroppgave i psykologi). Universitet I Tromso, Varen.
- DiClemente, C. C. (1993). Changing addictive behaviors: A process perspective. *Current in Directions in Psychological Science*, 2(4), 101-106. <https://doi.org/10.1111/1467-8721.ep10772571>
- Dobkin, P.L., Civita, M.D., Paraherakis, A., & Gill, K. (2002). The role of functional social support in treatment retention and outcomes among outpatient adult substance abusers. *Addiction*, 97(3), 347-356. <https://doi.org/10.1046/j.1360-0443.2002.00083.x>
